

**Sekitar
Majlis Angkat
Sumpah**
MS2-3



**Komtar
dinaiktaraf**

MS17



**Sasar 6 emas
SUKMA XVI
KL**
MS 21



Mutiara • buletin



PERCUMA

1 – 15, MEI 2013

<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimnguaneng>

SELAMAT MENYAMBUT HARI GURU KEPADA SEMUA WARGA PENDIDIK.

Mohd. Rashid Timbalan Ketua Menteri I baru

Oleh : **YAP LEE YING & AINUL
WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Mohd. Rashid Hasnon, 53, dilantik sebagai Timbalan Ketua Menteri I menggantikan Datuk Mansor Othman yang kini bergelar Ahli Parlimen Nibong Tebal pada Upacara Mengangkat Sumpah Terima Jawatan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

Majlis pelantikan dan angkat sumpah terima jawatan Mohd. Rashid dijalankan dengan penuh istiadat di hadapan Tuan Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas sambil disaksikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Dengan pelantikan tersebut, Mohd. Rashid yang merupakan Timbalan Ketua Cabang Parti Keadilan Rakyat (PKR) Bayan Baru sejak tahun 2010 hingga kini bakal menerajui portfolio Pembangunan Industri Perdagangan Antarabangsa, Koperasi & Perhubungan Masyarakat, Pembangunan Keusahawanan.

Turut hadir menyaksikan peristiwa bersejarah tersebut adalah barisan kepimpinan Ahli-ahli Majlis baru dan pucuk pimpinan Kerajaan Negeri.

Mohd. Rashid yang mendirikan rumahtangga dengan Nor Azizah

Haron mendapat pendidikan awal di Sekolah Tinggi Muar dan Maktab Tentera Diraja (RMC), Sungai Besi.

Beliau menamatkan peringkat *A-Level* di *Southampton Technical College, United Kingdom (UK)* dan seterusnya menerima *Bachelor of Control Engineering, University of Sheffield, UK*. Beliau kemudiannya meneruskan pengajian dalam bidang *Master in Business Administration (MBA)* di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1990.

Ketika ditemui, Mohd. Rashid menyatakan bahawa barisan Exco Kerajaan Negeri yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan peringkat umur adalah suatu perubahan yang proaktif dan bagus.

“Pakatan Rakyat telah mentadbir selama lima tahun sebelum ini dan lima tahun mendatang, insyaAllah, tidak akan ada sebarang masalah.

“Kita (barisan kepimpinan) perlu tekad dan kerja keras demi rakyat,” katanya selepas selesai majlis pelantikan di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, barisan Exco yang dikekalkan adalah ADUN Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy sebagai Timbalan Ketua Menteri II; ADUN Padang Kota, Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir); ADUN Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Agama); ADUN Bagan Jermal, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti



BARISAN EXCO Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat 2.0 bergambar kenangan bersama-sama Abdul Rahman Abbas (duduk tengah) selepas Upacara Mengangkat Sumpah Terima Jawatan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

(Tenaga, Air, Telekom), Pengangkutan (Udara, Laut, Keretapi); ADUN Batu Lanchang, Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan); ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar).

Exco-exco baru dilantik adalah ADUN Padang Lalang, Chong Eng memegang portfolio Beliau dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian ; ADUN Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo (Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan) ; ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin

(Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan).

Portfolio Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Warisan & Hal Ehwal Agama Bukan Islam kekal di bawah Ketua Menteri yang merupakan ADUN Air Putih yang juga Ahli Parlimen Bagan.

PORTFOLIO AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG 2013-2018

1) YAB TUAN LIM GUAN ENG

Ketua Menteri

Pengerusi Jawatankuasa:-

- Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah,
- Penerangan,
- Warisan & Hal Ehwal Agama Bukan Islam

2) YB TUAN MOHD. RASHID HASNON
Timbalan Ketua Menteri I

Pengerusi Jawatankuasa:

- Pembangunan Industri Perdagangan Antarabangsa,
- Koperasi & Perhubungan Masyarakat,
- Pembangunan Keusahawanan

3) YB TUAN PROF. DR. P. RAMASAMY
Timbalan Ketua Menteri II

Pengerusi Jawatankuasa:

- Perancangan Ekonomi Negeri,
- Pendidikan & Sumber Manusia,

- Sains, Teknologi Dan Inovasi

4) YB TUAN CHOW KON YEOW

Pengerusi Jawatankuasa:

- Kerajaan Tempatan,
- Pengurusan Lalulintas,
- Tebatan Banjir

**5) YB DATUK ABDUL MALIK
ABUL KASSIM**

Pengerusi Jawatankuasa:

- Hal Ehwal Agama Islam,
- Perdagangan Dalam Negeri
- Hal Ehwal Pengguna

6) YB PUAN CHONG ENG

Pengerusi Jawatankuasa:

- Belia & Sukan,
- Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti
- Kesenian

7) YB TUAN LIM HOCK SENG

Pengerusi Jawatankuasa:

- Kerja Raya,

- Utiliti (Tenaga, Air, Telekom)

- Pengangkutan (Udara, Laut, Keretapi)

8) YB TUAN LAW HENG KIANG

Pengerusi Jawatankuasa:

- Pembangunan Pelancongan
- Kebudayaan

9) YB TUAN PHEE BOON POH

Pengerusi Jawatankuasa:

- Kebajikan,
- Masyarakat Penyayang,
- Alam Sekitar

**10) YB TUAN JAGDEEP SINGH DEO
A/L KARPAL SINGH**

Pengerusi Jawatankuasa:

- Perancangan Bandar & Desa
- Perumahan

11) YB DR. AFIF BAHARDIN

Pengerusi Jawatankuasa:

- Pertanian & Industri Asas Tani,
- Pembangunan Luar Bandar
- Kesihatan

Guan Eng angkat sumpah Ketua Menteri penggal kedua

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Lim Guan Eng baru-baru ini mengangkat sumpah jawatan sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang di hadapan Tuan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas di Seri Mutiara, Jalan Utama di sini.

Guan Eng, 53, yang turut ditemani isteri, Betty Chew Gek Cheng bersama ahli keluarganya melafzkan sumpah di hadapan Abdul Rahman sambil disaksikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus pada jam 11.30 pagi.

Hadir sama, 39 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang menang pada Pilihanraya Umum ke-13 di negeri ini baru-baru ini.

Guan Eng buat penggal kedua berturut-turut dilantik sebagai Ketua Menteri dalam kenyataan medianya berkata, Kerajaan Negeri akan terus

mengekalkan prinsip Cepak, Bersih dan Adil kepada semua rakyat tanpa mengira kaum, agama termasuk mereka yang menyokong Barisan Nasional (BN).

Malah, beliau juga bertekad akan melaksanakan lebih banyak program-program berkeadilan bagi menghargai mandat yang diberikan rakyat Pulau Pinang. "Rakyat Pulau Pinang telah menyatakan dengan jelas dan memberikan sokongan tanpa syarat terhadap polisi mesra rakyat Pakatan Rakyat.

"Pulau Pinang tidak akan memberi ruang kepada kroni dan marilah kita bersatu untuk menjadikan negeri ini paling selamat untuk didiami," ujarnya di sini baru-baru ini.

Pada Pilihanraya Umum ke-13 yang lalu, Pakatan Rakyat telah memenangi 30 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dari 40 kerusi yang dipertandingkan.



LIM Guan Eng pada Upacara Angkat Sumpah Jawatan Ketua Menteri di hadapan Abdul Rahman Abbas.



CHONG Eng (tiga dari kiri) bersama-sama ADUN wanita Kerajaan Negeri menunjukkan tanda bagus pada majlis rasmi di Seri Mutiara. Turut kelihatan adalah Lydia Ong Kok Fook (kanan sekali).

Apa kata EXCO lama & baru?

Exco Baru

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo :

"Saya akan berdepan dengan cabaran baru dengan bidang tugas baru ini.

"Setelah diberi kepercayaan ini, saya bercadang 'melepaskan' praktis guaman saya dan akan menulis surat kepada pihak *Bar Council* untuk memaklumkan perkara ini," katanya sambil menyatakan bahawa beliau akan terus menuntut peruntukan RM150 juta dari Kerajaan Pusat berhubung pelaksanaan Projek Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang Fasa II di Dewan Undangan Negerinya.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan merangkap ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin :

"Banyak benda yang perlu dipelajari. Justeru, saya mengharapkan tunjuk ajar daripada *senior* dan kumpulan kukuh dalam Pakatan Rakyat (PR).

"Walaupun saya merupakan Exco termuda (28 tahun), saya akan meneruskan prestasi baik portfolio ini dengan cepak dan terbaik," ujarnya sambil menyatakan bahawa ciri-ciri dan pengalaman kerja sebagai doktor perubatan sebelum ini bakal membantunya dalam memikul amanat yang diamanahkan.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian merangkap ADUN Padang Lalang, Chong Eng :

"Saya berterima kasih kepada Lydia Ong (mantan Exco) atas jasanya dalam 5 tahun yang lepas. Saya akan sambung kerja-kerja yang sedia ada dan berjuang untuk kesaksamaan gender.

"Dalam bidang kesenian pula, saya akan minta tolong daripada suami yang bekerja sebagai pekerja seni dan akan sedaya upaya memperkembangkan aktiviti-aktiviti seni dalam negeri," ujar beliau.

Bekas Exco

Mantan Timbalan Ketua Menteri I merangkap Ahli Parlimen Nibong Tebal, Datuk Mansor Othman :

"Saya akan terus 'berkhidmat' di Parlimen dan saya percaya barisan Exco baru Kerajaan Negeri mampu mencapai prestasi memberangsangkan dengan mengukir beberapa pencapaian nombor 1," katanya lagi.

Mantan Exco Perancangan Bandar & Desa, Perumahan dan Kesenian merangkap ADUN Air Itam, Wong Hon Wai :

"Ia adalah suatu pengalaman menarik.

"Selepas ini, saya akan berada di barisan belakang yang mana juga bakal menjanjikan suatu perjalanan dan pengalaman yang menarik. Saya berharap Exco Perumahan yang baru dapat membuat susulan terhadap projek-projek rumah yang masih dalam proses termasuk *Majestic Heights*," katanya.

Mantan Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti merangkap ADUN Berapit, Lydia Ong Kok Fook :

"Saya berharap senior saya, YB Chong Eng dapat lakukan dengan lebih baik berdasarkan pengalamannya dalam aspek hak-hak wanita.

"Saya gembira kerana dapat meluangkan lebih masa bersama ibu saya yang berusia 75 tahun. Anak-anak saya juga gembira, malah, penduduk (DUN) Berapit juga," ujar beliau.

Kenyataan Akhbar Ketua Menteri Pulau Pinang Semasa Menyaksikan Upacara Mengangkat Sumpah Di Dewan Sri Pinang George Town.

Barisan EXCO Pimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2.0 Akan Memperkasakan Rakyat, Memperkuasakan Rakyat Dan Memperkayakan Rakyat Tanpa Kira Kaum, Agama Dan Latar Belakang Politik.

Barisan EXCO pimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2.0 akan memperkasakan rakyat dengan pengetahuan dan pendidikan, memperkuasakan rakyat dengan hak dan tanggungjawab serta memperkayakan rakyat tanpa kira kaum, agama dan latar belakang politik. Saya percaya bahawa pasukan baru ini akan mencerminkan hasrat murni PR untuk bersuara untuk semua, bertindak adil kepada semua dan membantu semua.

Pada masa yang sama, saya ingin ucapkan terima kasih kepada 3 Ahli EXCO lama YB Law Choo Kiang, YB Wong Hon Wai dan YB Lydia Ong atas khidmat dan sumbangan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri selama 5 tahun ini. Mereka terus akan diberikan peranan penting oleh Kerajaan Negeri untuk sama-sama menjadikan Pulau Pinang lebih bersih, hijau, sihat dan selamat.

Kerajaan Negeri tidak akan mempersalahkan mana-mana pihak atas kemenangan parti pembangkang BN dalam 10 kerusi negeri dalam pilihanraya umum 13 yang lepas ini. Sebaliknya kerajaan negeri menghormati pilihan penyokong BN dan memberikan jaminan akan terus menjaga kebajikan mereka seperti rakyat Pulau Pinang lain.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2.0 menjaminkan akan bekerja keras untuk rakyat sebagai membalas sokongan rakyat daripada pengundi Melayu, Cina dan India yang meningkat daripada 58% undi dalam pilihanraya umum ke-12 kepada 66% dalam Pilihanraya Umum Ke-13. Salah satu tumpuan adalah untuk menyekat peningkatan kejadian jenayah di Pulau Pinang seperti di Seberang Perai Tengah dengan memasang lebih banyak tiang lampu jalan dan CCTV. Lagi satu tumpuan adalah untuk membuat bayaran warga emas RM100 setahun mulai 18 Mei 2013.

Marilah kita bersatu untuk menjadikan Pulau Pinang No.1 di Malaysia sebagai negeri bertaraf antarabangsa dan pintar.

Lim Guan Eng



Suri rumah sepenuh masa dapat RM100 tahun depan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Setiap suri rumah sepenuh masa berusia bawah 60 tahun bakal menerima sumbangan bernilai RM100 setiap tahun melalui pelaksanaan Program Ibu Emas bermula tahun depan.

Berikut adalah antara pengumuman Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri kali pertama di sini semalam.

“Sumbangan ini sebagai menghagai peranan yang dimainkan oleh wanita termasuk suri rumah sepenuh masa melakukan (dalam) perubahan di Pulau Pinang baru-baru ini.

“Semua suri rumah sepenuh masa di bawah umur 60 tahun yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri layak menerima sumbangan Ibu Emas RM100 tiap-tiap tahun.

“Kita tak beri RM100 kepada suri rumah berusia 60 tahun (dan) ke atas kerana Kerajaan Negeri sudah memberi RM100 di bawah Program Sumbangan Warga Emas,” ujarnya dalam Majlis Jamuan Tengah Hari Kerajaan Negeri di Komtar di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Exco-Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli Parlimen Pulau Pinang (MP), Ketua-Ketua Jabatan dalam Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) turut hadir pada majlis keraian rasmi itu.

Guan Eng berkata, program sumbangan emas lain yang membabitkan warga emas, ibu tunggal, pelajar, orang kurang upaya (OKU) dan sebagainya yang dilaksanakan sejak lima tahun lepas akan diteruskan dalam penggal pentadbiran kali ini.

Dalam perkembangan lain, katanya, satu lagi pasukan sukarelawan yang dikenali sebagai ‘Bridged Wanita’ akan ditubuhkan ekoran rekod kejayaan Kerajaan Negeri menubuhkan Pasukan Peronda Sukarela (PPS) pada sesi pentadbiran Kerajaan Negeri lepas.

Beliau, bagaimanapun tidak menjelaskan secara terperinci mengenai fokus utama pasukan baru itu ditubuhkan.

“Bridged ini akan diletakkan secara khusus di bawah (pejabat) Ketua Menteri,” jelas beliau.



(Duduk dari kanan), MOHD. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy, Chow Kon Yeow, Abdul Malik Abul Kassim dan Chong Eng meneliti dokumen dan beramah-mesra dengan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus sebelum bermulanya mesyuarat MMK di sini baru-baru ini.

Mesyuarat MMK Kerajaan Negeri 2.0 Pertama lancar

KALI PERTAMA... Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2.0 dijalankan dengan lancar dengan menampilkan gabungan barisan Exco baru dan lama.

Majlis kemudian disusuli dengan jamuan makan tengah hari yang turut disertai Ahli-ahli Parlimen (MP) dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bersama-sama ketua-ketua jabatan Kerajaan Negeri serta pihak berkuasa tempatan (PBT), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Pada majlis ramah-mesra tersebut, Ketua Menteri memperkenalkan ADUN-ADUN dan MP-MP baru kepada Ketua-ketua jabatan Kerajaan Negeri bagi memantapkan pencapaian serta prestasi sedia ada negeri Pulau Pinang.



KETUA Menteri mempengerusikan Mesyuarat MMK Kerajaan Negeri 2.0 Pertama baru-baru ini.



Law Choo Kiang (kiri) berjabat tangan sambil menyerahkan fail portfolio beliau kepada Dr. Afif Bahardin di Komtar baru-baru ini.

Dr. Afif terima tugas daripada Choo Kiang

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN – Mantan Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang secara rasmi menyerahkan tugasnya kepada Dr. Afif Bahardin selaku Exco baru dilantik memegang jawatan berkenaan di sini baru-baru ini.

Bagaimanapun, selaku Exco baru dilantik, terdapat beberapa perubahan pada portfolio dipegang Dr. Afif iaitu merangkumi bidang kerja Pertanian & Industri Asas Tani,

Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan.

Dr. Afif berkata, beliau bersedia memikul tanggungjawab sebagai Exco dan memberikan khidmatnya kepada semua golongan masyarakat tanpa mengira bangsa.

“Banyak benda yang perlu dipelajari. Justeru, saya mengharapkan tunjuk ajar daripada *senior* dan kumpulan kukuh dalam Pakatan Rakyat (PR).

“Saya akan meneruskan prestasi baik (portfolio) ini dengan cekap dan terbaik,” ujarnya ketika ditemui pada satu majlis ringkas penyerahan jawatan di pejabatnya di sini.



MOHD. Rashid Hasnon (tiga dari kiri) dan Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin (empat dari kiri) bersama masyarakat setempat di Pasar Bayan Baru.



KETUA Menteri bertemu dan berterima kasih kepada penduduk yang ditemuinya di Pasar Awam Farlim.



TIMBALAN Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon (berdiri, kanan sekali) berjabat tangan sebagai tanda terima kasih kepada salah seorang peniaga di Pasar Bayan Baru.

*Terima Kasih
Rakyat Pulau
Pinang di atas
sokongan yang
diberikan!*



KETUA Menteri bergambar kenang-kenangan bersama sebahagian penduduk di Pasar Awam Balik Pulau.



EXCO Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berterima kasih kepada para penduduk Batu Maung di atas sokongan yang diberikan kepadanya pada Pilihanraya Umum ke-13.



EXCO Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo (kiri sekali) bersama Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Danny Law Heng Kiang (dua dari kanan) bertemu dengan penduduk Dewan Undangan Negeri Datok Keramat dan Batu Lanchang di Pasar Taman Free School.



EXCO Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin beramah-mesra dengan salah seorang warga emas di Pasar Seberang Jaya.



TIMBALAN Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy (depan, kanan sekali) berjabat tangan sebagai tanda terima kasih kepada salah seorang peniaga di Pasar Chai Leng, Butterworth.



ADUN Air Itam, Wong Hon Wai (kanan sekali) berjabat tangan tanda terima kasih kepada Pekerja Am Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang ditemui di Pasar Awam Farlim.

Raja Permaisuri Agong berkenan rasmi POWIIS

MENCEMAR DULI... Raja Permaisuri Agong, Tuanku Haminah Hamidun berkenan mencemar duli bagi merasmikan Sekolah Antarabangsa *Prince of Wales Island* (POWIIS) yang terletak di Bandar Baru Air Putih, Balik Pulau baru-baru ini di sini.

Keberangkatan tiba baginda di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL) disambut oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan isteri, Betty Chew; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain dan barisan Exco Kerajaan Negeri.

Hadir sama pada majlis perasmian tersebut, Yang Dipertua



Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Dalam pada itu, Guan Eng dan isteri sekali lagi turut mengiringi keberangkatan pulang baginda di LTABL.

KETUA Menteri sambil ditemani isteri mengiringi keberangkatan pulang Raja Permaisuri Agong di LTABL.



PERMAISURI Agong berkenan mencemar duli merasmikan POWIIS baru-baru ini di sini.



POTRAIT Abdul Rahman Abbas (duduk, tengah) bersama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersempena majlis lantikannya.

Abdul Rahman dilantik semula

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

GEORGE TOWN – Pelantikan semula Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas sebagai Yang diPertua negeri Pulau Pinang bagi penggal kelima membuktikan ketokohan beliau sebagai tonggak perpaduan dan lambang kemakmuran di sini.

Bersaksikan sekalian jempunan di Seri Mutiara, majlis mengangkat sumpah jawatan tersebut diadakan dengan penuh istiadat baru-baru ini.

Tun Abdul Rahman, 75, dilantik semula bagi tempoh dua tahun bermula 1 Mei ini.

Bekas Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) tersebut dilahirkan pada 15 April 1938 di Permatang Rambai, Kepala Batas.

Beliau aktif dalam bidang penulisan kreatif pada tahun 60-an dengan nama pena, Norman Abbas dan perjalanan bidang seninya diabadikan dalam buku biografi khas yang diterbitkan bersempena hari kelahiran yang ke-74 tahun lalu dikenali, Sebuah Memoir.

Tun Abdul Rahman mendirikan rumahtangga dengan Toh Puan Majimor Shariff dan dikurniakan



ABDUL Rahman Abbas (duduk) menandatangani watakah pelantikan beliau.

empat cahaya mata iaitu seorang putera dan puteri (3).

Beliau amat meminati aktiviti joging, sukan golf, membaca serta berkongsi minat berkebun dengan isterinya.

Kali pertama Tun Abdul Rahman dianugerahkan jawatan TYT adalah pada 1 Mei 2001 sebelum dilantik semula kali buat kedua pada 1 Mei 2005 untuk tempoh perkhidmatan empat tahun.

Kali ketiga beliau dilantik adalah pada 1 Mei 2009 selama tiga tahun dan pada tanggal 1 Mei 2011, Abdul Rahman dilantik sebagai TYT untuk penggal keempat bagi tempoh dua tahun.



ABDUL Malik Abul Kassim (tengah) menyampaikan pakaian seragam kepada Hasiah Yaacob sebagai simbolik penyampaian sumbangan 450 set pakaian seragam sekolah pada Majlis Perasmian Kem Suci Jiwa, Rawat Rohani di sini baru-baru ini.

Kem Suci Jiwa, Rawat Rohani lahir pelajar cemerlang sahsiah

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

BATU MAUNG – Selaras dengan hasrat menjadikan warga Batu Maung cemerlang sahsiah, rohani dan akademik, Sekolah Agama Rakyat (SAR) Tuan Haji Omar bin Hassan, Permatang Damar Laut di sini mengambil inisiatif menganjurkan Kem Suci Jiwa, Rawat Rohani di sini baru-baru ini.

Penganjuran julung kali tersebut adalah bertujuan mempengaruhi ‘mind-set’ murid-murid sekolah rendah untuk berubah dan bertindak bagi menggarap kecemerlangan selaras dengan cabaran masa kini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim yang hadir merasmikan kem ibadat tersebut berkata, pendidikan adalah sebahagian dari aspek pembangunan dan cabaran dalam meniti masa hadapan.

“Dalam dunia tanpa sempadan, cabaran mendidik anak-anak pada masa kini amat berbeza.

“Pendidikan bermula dari rumah di mana peranan ibu bapa itu penting dalam ‘menghiasi’ peribadi anak-anak mereka sebelum melangkah ke alam persekolahan,” katanya pada Majlis Perasmian Kem Suci Jiwa, Rawat Rohani di sini baru-baru ini.

Turut disampaikan adalah Anugerah Pelajar Cemerlang Ujian Penilaian Kelas Asas Fardhu Ain (UPKK) membabitkan 13 pelajar. Malah, Abdul Malik turut menyampaikan sumbangan pakaian seragam SAR kepada 450 murid SAR Tuan Haji Omar bin Hassan.

Hadir sama, Pengerusi SAR Tuan Haji Omar bin Hassan merangkap Pengerusi Qariah Masjid Permatang Damar Laut, Sabri Ishak dan Pengetua SAR Tuan Haji Omar bin Hassan, Hasiah Yaacob.

Kompleks baru, sewa kekal

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN – Rata-rata peniaga Kompleks Penjaja Taman Brown yang menjalankan perniagaan puluhan tahun di sini lega dan akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada kerja-kerja penaiktarafan yang dijangka bermula Julai ini.

Dalam projek naiktaraf hasil inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) tersebut, struktur usang kompleks, tandas dan kemudahan surau bakal diberikan keutamaan bagi menobatkannya bertaraf antarabangsa.

Salah seorang peniaga minuman kompleks, Khuraisha Omar Khatab, 39, menyatakan rasa syukurnya apabila dimaklumkan mengenai inisiatif berkenaan.

“Saya bersyukur, sekurang-kurangnya pelanggan tidak perlu lagi berlari ketika hujan. Paling sedih bila tengok sambil berdiri pun mereka habiskan makanan.

“Dalam pada itu, saya juga berharap bumbung dapat ditinggikan untuk mengelakkan bola dari padang bersebelahan masuk ke dalam tempat makan,” katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Sesi Taklimat Bersama Para Peniaga Berhubung Projek Naiktaraf Kompleks Penjaja Taman

Brown di sini baru-baru ini.

Hadir pada majlis tersebut adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Bagi Masayu Majid, 30-an, yang turut menjalankan perniagaan di sini, beliau paling tertarik apabila dikhabarkan bahawa sebuah surau turut akan dibangunkan di kawasan tersebut.

“Selalu pelanggan tanya surau di mana? Saya jadi segan nak jawab sebab tiada surau dan secara tak langsung ia



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan para peniaga menunjukkan tanda bagus ekoran inisiatif menaiktaraf Kompleks Penjaja Taman Brown di sini baru-baru ini.



LAKARAN grafik Kompleks Penjaja Taman Brown yang bakal dinaiktaraf.

melahirkan persepsi negatif kata kami tidak sembahyang. Kebiasaannya, saya terpaksa sembahyang dalam kereta kerana tiada kemudahan surau dibekalkan di sini,” nyatanya.

Dalam pada itu, Guan Eng memberitahu, projek bernilai RM1.7 juta tersebut bakal mengambil tempoh masa setahun untuk disiapkan.

“Kita sudah arahkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) untuk memanggil tender pada bulan April ini. Kerja-kerja akan dijalankan pada Julai nanti dan mengambil masa selama setahun untuk disiapkan.

“Tempoh masa lama diperlukan kerana tiada peniaga akan dipindahkan apabila kerja penaiktarafan ini dilakukan,” jelas beliau.

Tambahnya, kadar sewa di sini juga akan dikekalkan pada kadar RM36 sebulan.

Padang Datok Keramat dibuka umum September ini

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN – Sebagai usaha membina dan menaiktaraf lebih banyak padang-padang awam dan rekreasi di sini, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini berjaya menyempurnakan pengimplementasian projek menaiktaraf Padang Datok Keramat di sini.

Sejumlah kos RM900,000 diperuntukan bagi tujuan penaiktarafan padang yang dijangka dibuka untuk kegunaan orang ramai pada September ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir pada upacara perasmian berkata, Padang Datok Keramat sudah ‘bersedia’ untuk dianjurkan pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi.

“Padang ini sudah sedia untuk dianjurkan aktiviti sukan bola sepak. Ia

sebagai tambahan kepada padang-padang awam sedia ada iaitu di Stadium Bandaraya dan Padang Polo di sini.

“Malahan, saya yakin Padang Datok Keramat akan digunakan sepenuhnya oleh pihak persatuan, sekolah, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan jabatan serta agensi kerajaan untuk penganjuran semua aktiviti sukan terutamanya bola sepak,” ujarinya ketika ucpatama Majlis Perasmian Projek Menaiktaraf Padang Datok Keramat di sini baru-baru ini.

Turut memeriahkan majlis, Yang Dipertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail, Setiausaha Perbandaran, Ir. Ang Aing Thye dan mantan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar yang kini merupakan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Tambah Guan Eng, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan meneruskan usaha untuk membina dan menaiktaraf lebih banyak padang-padang awam dan rekreasi agar mencapai matlamat Pulau



PATAHIYAH Ismail (lapan dari kiri) bersama barisan kepimpinan MPPP bergambar kenangan di samping plat Padang Datok Keramat bersempena majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

“MPPP juga akan meneruskan projek penghijauan dari Jalan Datok Keramat sehingga ke Air Itam dengan menanam lebih banyak pokok.

“Malah, MPPP kini turut giat

menjalankan kerja-kerja menaiktaraf Taman Botani. Kita (Kerajaan Negeri) berhasrat untuk mengembalikan zaman kegemilangan Taman Botani supaya ianya setaraf dengan taman-taman botani di negara lain,” ujar Guan Eng.

Rumah kos rendah SPT dibuka untuk pembelian

Oleh : MOHD. HAFIZ TAJUDIN

BUKIT MERTAJAM – Sehingga Mac lalu, sebanyak 798 unit rumah kos rendah daripada enam projek perumahan di Seberang Perai Tengah (SPT) dibuka untuk golongan berkelayakan bagi membolehkan mereka memiliki kediaman sendiri di sini.

Keenam-enam projek perumahan tersebut ditawarkan dengan julat harga antara RM35,000 hingga RM42,000 termasuk di Desa Titi Panjang Mukim 14 sebanyak 60 unit; Desa Impian (69); Rumah Pangsa Tropika (114); *Century Court* Permatang Tinggi (247); *Seri Akasia*, Penanti (134); dan *Park View Residency*, Juru (174).

Kenyataan tersebut diumumkan mantan Exco Perancangan Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai ketika mengadakan lawatan tapak projek Rumah Pangsa Tropika di Alma di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata,

Rumah Pangsa Tropika dibina oleh syarikat GTM Land and Property Sdn. Bhd. setinggi lima tingkat dengan keluasan 700 kaki persegi.

“Untuk fasa pertama, sebanyak 97 unit ditawarkan kepada senarai menunggu berdaftar dengan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri, manakala baki 17 unit lagi bakal ditawarkan kelak.

“Perkembangan pembinaan rumah pangsa ini telah mencapai 50 peratus kini dan dijangka siap sepenuhnya pada suku ketiga tahun ini,” katanya di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Hon Wai turut menjelaskan bahawa projek perumahan di Seberang Perai dan bahagian pulau adalah tidak sama kadar penawaran dan permintaannya.

“Permintaan di sebelah pulau adalah jauh lebih tinggi berbanding penawarannya. Sebagai contoh di *Shine Ville*, George Town, hanya 234 unit ditawarkan, tetapi permintaannya melebihi 1,000 pemohon.



WONG Hon Wai (dua dari kiri) meneliti dokumen Rumah Pangsa Tropika bersempena lawatan beliau ke tapak projek di sini baru-baru ini.

“Hal ini berbeza dengan Seberang Perai, walaupun telah ditawarkan, masih terdapat lebih kekosongan kerana kekurangan permintaan, contohnya, di

Taman Sungai Duri, selepas peroleh sijil kependudukan (OC) pun, masih ada lebih daripada 100 unit belum terjual,” jelasnya.

Lawatan susulan pantau projek rumah i-Park

Oleh: WATAWA NATAF ZULKIFLI

BAYAN LEPAS – Bagi mengenalpasti kemajuan projek perumahan kos rendah di Sungai Ara, mantan Exco Perancangan Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai sebelum ini telah mengadakan lawatan susulan ke Taman Perumahan i-Park (hadapan Sekolah Kebangsaan Mutiara Perdana) di sini.

Sebelum ini, lawatan pertama adalah pada 19 April tahun lalu.

Mengulas lanjut berhubung projek tersebut, Hon Wai memberitahu bahawa pihak pemaju Ideal Property Sdn. Bhd. telah melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan membina rumah mampu milik melebihi kuota sepatutnya.

“Mengikut garis panduan Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), bagi projek skala besar, pemaju adalah diwajibkan membina 30 peratus rumah mampu milik dalam pembangunan i-Park berkenaan.

“Namun, mereka (pemaju) dengan murah hati telah membina lebih dari jumlah itu. Jumlah 30 peratus itu hanya bersamaan dengan 464 unit, tetapi mereka (pemaju) menambah lagi dengan menjadikan jumlah keseluruhan adalah 534 unit (41 peratus) berharga



TAMAN Perumahan i-Park yang sedang dalam proses pembinaan.

RM42,000,” ujar beliau pada sidang media di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau turut menyelar tindakan pihak yang menyatakan senarai pemohon rumah mampu milik di Pulau Pinang mencecah sebanyak 160,000 pemohonan.

“Itu sebenarnya adalah senarai lama sejak kerajaan lama mentadbir.

“Sebenarnya, kerajaan lama tidak pernah mengemaskini senarai berkenaan sehingga memperlihatkan jumlah keseluruhan adalah berlipat ganda. Umumnya, angka tersebut adalah tidak logik bagi Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) yang pada ketika itu baru mentadbir selama dua tahun,” tegas Hon Wai.

Fasa 2 TPS Jalan Utama siap September ini



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri sambil ditemani para peniaga menunjukkan tanda bagus berhubung inisiatif menaiktaraf TPS Jalan Utama di sini baru-baru ini.

Oleh: WATAWA NATAF ZULKIFLI

DATOK KERAMAT – Penantian lebih 15 tahun (mengikut rekod bertulis Majlis Perbandaran Pulau Pinang, MPPP) para peniaga di Tapak Penjaja Sementara (TPS) Jalan Utama (belakang Hospital Pulau Pinang, HPP) untuk berniaga di lokasi lebih selesa berakhir hasil inisiatif Kerajaan Negeri bersama MPPP menaiktaraf lokasi popular berkenaan.

Baru-baru ini, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri diketuai Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng hadir pada Majlis Perasmian Penyempurnaan Fasa 1A tapak berkenaan di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Yang diPertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail, Setiausaha Perbandaran, Ir. Ang Aing Thye, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat, Jagdeep Singh dan mantan ADUN Komtar yang kini merupakan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Seorang peniaga minuman K. Krishnan,

51, ternyata berpuas hati setelah gerainya dinaiktaraf.

“Selama saya berniaga di sini sejak datuk, ayah hinggalah saya dalam tempoh 45 tahun, gerai di sini tidak pernah dinaiktaraf oleh kerajaan lama.

“Bersyukur kepada Kerajaan Negeri dan MPPP yang berjaya melakukan pembaharuan di sini. Kini, kami lebih bersemangat untuk berniaga. Kedai pun bertambah bersih, harap pelanggan pun semakin ramai nanti,” katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Guan Eng menyatakan bahawa usaha menaiktaraf tersebut adalah selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri dalam menjadikan negeri ini bertaraf antarabangsa yang mengamalkan konsep hijau.

“Apabila kita hendak jadi negeri antarabangsa, tempat makan mestilah bertaraf antarabangsa juga.

“Tempat makan merupakan satu aset

penting kepada negeri ini kerana Pulau Pinang sememangnya terkenal dengan keenakkan makananya,” ujar beliau.

Bagi Patahiyah, beliau memberitahu, secara keseluruhan projek naiktaraf tersebut adalah membabitkan kos berjumlah RM336,398.

“Projek ini dilakukan secara tender terbuka dan Syarikat Sri

Padang Maju Enterprise berjaya membida kontrak.

“Kita dapat lihat konsep bangunan yang dimajukan mengenakan bumbung bertingkat di samping tingkap gelongsor bagi pengudaraan dan cuaca yang lebih sempurna.

“Fasa 2 pula sedang berjalan dan dijangka siap September nanti,” jelasnya.

Tidak perlu tinggal dalam kontena lagi

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

TELOK AIR TAWAR—Kehidupan lebih 37 keluarga yang sebelum ini terpaksa menetap di dalam kontena terbela apabila bakal menerima pampasan rumah kos rendah Taman Bayu Aman tahun depan (2014) hasil inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) di sini.

Mantan Exco Perancangan Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai berkata, keluarga-keluarga terlibat terpaksa tinggal di dalam kontena ekoran tanah yang diduduki lebih 16 tahun lalu bakal dibangunkan sebagai kawasan perumahan oleh pihak Kerajaan Negeri yang lama –

Barisan Nasional (BN).

“Bagaimanapun, projek berkenaan tidak diteruskan sehinggalah Kerajaan Negeri PR mengambilalih pemerintahan sebagaimana berlaku pada projek-projek terbengkalai lain di bawah BN.

“Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Air Tawar merupakan ADUN kawasan di sini selama empat penggal, tetapi tidak dapat menyelesaikan isu di tempatnya sendiri,” katanya pada sidang media sempena lawatannya ke tapak projek di sini baru-baru ini.

Secara purata, projek berkenaan kini telah mencapai 25 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pada



RUMAH kos rendah Taman Bayu Aman yang kini dalam proses pembinaan di sini.

tahun 2014 kelak.

Menurut Hon Wai, jumlah unit rumah kos rendah yang disediakan di taman tersebut adalah sebanyak 149 unit. Dari jumlah tersebut, 52 unit rumah adalah sebagai pampasan, manakala baki 97 unit lagi dibuka kepada senarai menunggu pembeli (rumah kos rendah) yang telah berdaftar dengan Bahagian Perumahan

Kerajaan Negeri.

“Jika dilihat, bilangan rumah pampasan adalah lebih banyak dari jumlah keluarga yang menerima pampasan kerana terdapat 12 keluarga menetap dalam dua buah kontena ekoran jumlah ahli keluarga yang ramai. Justeru, keluarga tersebut akan menerima dua buah rumah pampasan,” jelasnya.

Tambahnya, keutamaan akan diberikan kepada 52 unit rumah pampasan berkenaan.

“Sekiranya masih tidak mencukupi, mereka yang memperoleh pampasan akan diberi keutamaan untuk membeli baki 97 unit lagi. Kita akan buka kepada senarai menunggu selepas urusan pampasan ini selesai,” ujar beliau.

Kompleks Makan Desa Genting siap Nov. ini

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

PULAU BETONG – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) membelanjakan RM679,000 bagi kerja-kerja menaiktaraf Kompleks Makan Desa Genting di sini yang dijangka siap pada November ini.

Menurut Yang diPertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail, Kompleks Makan Desa Genting yang merupakan suatu lokasi penjaja terkenal dibina sekitar tahun 1990-an bakal dinaiktaraf dengan reka bentuk moden dan selesa selaras dengan misi MPPP dalam penjenamaan semula kompleks-kompleks penjaja di seluruh Pulau Pinang.

“Cadangan menaiktaraf kompleks berkenaan telah dikaji terlebih dahulu dan mengambil kira pandangan daripada semua pihak sebelum melaksanakan tender terbuka pada 23 Julai 2012.

“Pemaju, Etika Glokal Enterprise telah menandatangani surat setuju terima pada 29 November tahun lalu dan telah memulakan kerja-kerja pembinaan pada 2 Januari lalu (2013). Dijangkakan, projek menaiktaraf ini bakal mengambil masa 10 bulan,” katanya pada Majlis Pelancaran Projek Naiktaraf Kompleks Taman Desa Genting di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain, Setiausaha Perbandaran, Ir. Ang Aing Thye, ahli-ahli majlis MPPP, mantan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail, mantan PPK Telok Bahang, Halil Sabri Hamid, Jawatankuasa



ABDUL Halim Hussain (kanan) bersama Chow Kon Yeow (kiri) meletak batu asas sebagai simbolik permulaan pembinaan Kompleks Taman Desa Genting di sini baru-baru ini.

Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan penduduk Taman Desa Genting.

Sejak 2008, MPPP telah menaiktaraf 15 buah pasar-pasar awam, gerai makanan dan tapak-tapak penjaja seluruh pulau. Pada tahun 2013, MPPP bercadang merencanakan lagi kerja-kerja naiktaraf di 11 buah tapak penjaja dan pasar awam bagi kesesuaian serta kemudahan orang awam.

Sejajar dengan penaiktarafan tersebut, Kompleks Makan Desa Genting bakal mempunyai lapan lot gerai dengan tujuh daripadanya adalah lot menjual makanan, manakala bakinya adalah untuk minuman. Selain dilengkapi dengan dinding batu berjubin, lot-lot gerai ini turut mempunyai tingkap gelungsur, perangkap gris, aluminium roller shutter, kaunter basuh baru dan bumbung yang tinggi.

Dalam pada itu, Kon Yeow dalam ucapan perasmianya berharap penduduk di Taman Desa Genting akan dapat memanfaatkan sepenuhnya kemudahan yang disediakan oleh MPPP hasil inisiatif berkenaan.

Dewan & gelanggang takraw di Taman Cantek



LIM Hock Seng (empat dari kiri) menunjukkan struktur dewan dan gelanggang sepak takraw yang dibina demi kemudahan penduduk di Taman Cantek kepada Ketua Menteri sempena lawatan khas beliau baru-baru ini.

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

BAGAN – Taraf infrastruktur Taman Cantek di sini bakal ditingkatkan dengan pembiayaan sebuah dewan dan gelanggang sepak takraw bernilai RM110,000 untuk kemudahan penduduk di sini.

Pembinaan dewan dan gelanggang tersebut adalah bagi menggantikan struktur sebelum ini yang telah rosak dan terbiar untuk tempoh masa yang agak lama.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal yang juga Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng berkata, dewan yang dibina sebelum ini adalah hasil kutipan amal masyarakat berketurunan India di taman ini.

“Kini, untuk kemudahan semua, Kerajaan Negeri bakal membiayai pembinaan dewan baru berhadapan Persatuan Penganut Dewa Sri Guru Ragavendirar untuk dijadikan kelas-kelas tuisyen.

“Manakala, gelanggang sepak takraw di sebelahnya adalah untuk aktiviti sukan

tradisional penduduk dan majlis kenduri juga dapat dijalankan,” katanya pada lawatan khas ke lokasi dewan di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng bersama isteri, Betty Chew Gek Cheng dan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Menurut Guan Eng, beliau pernah hadir di Taman Cantek sekitar lima tahun lalu, tetapi suasana di taman itu tidak ‘secantik’ namanya.

“Taman yang namanya Cantek, sekurang-kurangnya ia mesti cantik.

“Sebab itu, projek utama yang Kerajaan Negeri buat ialah untuk buat satu taman hijau, iaitu Tugu Demokrasi depan Taman Cantek yang telah dibina sekitar setahun lalu,” jelasnya.

Taman Tugu Demokrasi merupakan antara taman tercantik di Pulau Pinang dengan kos keseluruhan bernilai RM700,000 dibiayai syarikat swasta melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Semua berperanan tangani jenayah - KM

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yakin bahawa selain komitmen Polis Diraja Malaysia (PDRM), penurunan kadar jenayah dalam negeri turut disumbang oleh kerajinan dan keberkesanan pelaksanaan tugas Pasukan Peronda Sukarela (PPS) di sini.

Kata beliau, semua pihak memainkan peranan dalam membantu pasukan PDRM membanteras kejadian jenayah.

“Kita juga kena bantu pihak polis dalam menangani jenayah dan tidak hanya boleh bergantung kepada mereka semata-mata. Ini kerana, semua bertanggungjawab dalam menangani hal ini,” katanya pada Jamuan Makan Tengah Hari Bersama Anggota PPS Bahagian Pulau Negeri di sini baru-baru ini.

Turut hadir, mantan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin yang kini merupakan Ahli

Parlimen Bayan Baru, ADUN Batu Lanchang, Danny Law Heng Kiang, ADUN Padang Kota, Chow Kon Yeow, ADUN Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan ADUN Air Itam, Wong Hon Wai.

Sehingga kini, keanggotaan PPS telah mencapai 10,000 ahli.

Dalam pada itu, Timbalan Pengerusi PPS negeri, Ng Wei Aik menekankan tentang perlunya tahap disiplin yang tinggi dalam kalangan anggota PPS.

“Kita akui, sebilangan kecil memang ada terlibat dalam masalah ini, justeru, kita (pihak atasan) tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas sekiranya didapati bersalah,” tegasnya.

Beliau dengan itu merakamkan jutaan terima kasih kepada seluruh anggota PPS atas dedikasi yang diberikan.

“PPS bukan milik Pakatan Rakyat semata-mata. Pasukan ini perlu menolong masyarakat,” ujar Wei Aik.



WARGA PPS bahagian pulau menunjukkan tanda kesepakatan bersempena penganjuran Majlis Jamuan Makan Tengah Hari Bersama Anggota PPS Bahagian Pulau Negeri di sini baru-baru ini.

Tapak pelupusan sampah Jelutong bakal dibangun semula

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri memberi kepercayaan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan proses memulihara dan membangunkan semula tapak pelupusan sampah di Jelutong di sini.



CHOW Kon Yeow.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pemuliharaan dan pembangunan semula tapak pelupusan sampah tersebut perlu dilaksana secara terperinci dan sistematik.

“Ia merupakan proses yang panjang dan melibatkan beberapa aspek antaranya alam sekitar serta keselamatan penduduk sekitar.

“Menyedari ianya sesuatu proses yang amat rumit dan melibatkan pelbagai risiko, PDC praktikkan langkah berjaga-jaga dalam mengenalpasti dan memilih perunding untuk mengambil alih kajian kebolehlaksanaan proses berkenaan,” jelas Kon Yeow pada sidang media di Komtar baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Timbalan Pengurus Besar PDC, Iskandar Basha Abdul Kadir.

Dalam pada itu, Iskandar Basha menjelaskan bahawa pada 31 Januari lalu, PDC telah memanggil 11 buah syarikat berpengalaman dalam lapangan masing-masing untuk menghantar proposal berkaitan penyelenggaraan pemulihan dan kajian

kebolehlaksanaan ke atas tapak pelupusan sampah berkenaan.

“Tujuan utama adalah untuk menilai kajian kebolehlaksanaan terhadap tapak tersebut dan menyesuaikannya untuk satu tempoh jangka panjang.

“Kajian tersebut penting bagi mengelakkan status tapak pelupusan sampah tersebut dipersoalkan,” jelas Iskandar.

Berdasarkan kajian dijalankan, Model Konsepsi Tapak atau *Conceptual Site Model* (CSM) akan dibangun untuk mendiskripsikan kebolehlaksanaan tapak terbabit dan persekitarannya.

“Hal ini termasuk potensi hipotesis untuk mengenalpasti pencemaran data, bahan cemar dan mekanisma pengangkutan bersesuaian yang berkemungkinan mencipta risiko di tapak pelupusan.

“Kemudian, kerangka pemuliharaan dan pembangunan semula untuk tapak ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan dapat mengekalkan elemen-elemen keselamatan dan pemuliharaan,” ujarnya.

Beliau memberitahu, PDC kini telah menilai setiap proposal dan sehingga kini, terdapat dua syarikat disenaraipendekkan untuk sesi temuduga.

“Dijangkakan perunding yang berjaya akan diketahui April ini,” jelas Iskandar yang turut memaklumkan bahawa tempoh kajian berkenaan adalah selama tujuh bulan dan ia masih perlu melalui beberapa lagi proses lain dalam memastikan minimum risiko.

Pasar Basah Chowrasta dinaiktaraf

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN – Kerja-kerja dinaiktaraf Pasar Basah Chowrasta berusia 52 tahun (ditubuhkan pada 1961) yang menjadi ikon ‘*Central Business District*’ di sini telah bermula.

Pelaksanaan tersebut adalah hasil kesungguhan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) dalam mempromosikan bangunan warisan dan bagi memberi keselesaan kepada para peniaga di pasar yang sebelum ini tidak pernah dinaiktaraf sejak ditubuhkan pada 1961.

Mantan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar yang kini merupakan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik berkata, mengikut pelan rancangan dikemukakan, bahagian belakang bangunan tersebut akan terlebih dahulu diroboh bagi tujuan pembinaan ruang parkir.

“Manakala, pada bahagian tengah, ia bakal menjadi sebuah pusat pemindahan sementara, bahagian Jalan Tamil (bahagian tidak halal – penjualan daging khinzir).

“Secara keseluruhan, MPPP akan memberi notis kepada semua peniaga apabila tiba masa mereka perlu berpindah,” katanya pada Sesi Dialog Bersama Para Peniaga Pasar Basah Chowrasta di sini baru-baru ini.

Projek dimenangi pembida, Bertegas Makhbul Sdn. Bhd. dengan nilai kontrak

berjumlah RM12,190,206.40 adalah dipilih melalui tender terbuka Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Pelan dinaiktarafan adalah membabitkan 123 petak parkir termasuk dua petak khas untuk kegunaan golongan orang kurang upaya (OKU). Turut disediakan adalah 235 petak gerai di tingkat bawah dan tingkat satu (60).

Menurut Wei Aik, setelah proses pemindahan peniaga selesai, pihak kontraktor bakal menaikkan penampungan setinggi tiga tingkat bagi mengelakkan segala sisa bahan binaan terkeluar dari tapak projek dan mengganggu orang awam.

“Serentak itu, peniaga buku terpakai di tingkat satu pula akan dipindahkan berhampiran sebuah kedai kopi di tingkat sama,” jelasnya.

Dalam pada itu, dalam sesi dialog tersebut, Wei Aik menyatakan bahawa para peniaga perlu mematuhi beberapa kriteria bagi mendapatkan keutamaan penetapan lokasi lot-lot kedai di dalam bangunan tersebut.

“Antara kriterianya adalah menjalankan peniagaan melebihi lima tahun; menjalankan peniagaan dalam tempoh tidak kurang 20 hari sebulan dan tidak menyewakan lot kedai diperoleh kepada pihak ketiga.

“Jika sebelum ini walaupun anda (peniaga) ada diberikan tag nama, ia masih belum memberi jaminan kerana terdapat kriteria-kriteria tertentu perlu diambilkira,” ujar beliau.

Turut dimaklumkan Wei Aik adalah penutupan Jalan Chowrasta berkuatkuasa selama setahun dari 1 April lalu hingga 1 April 2014. Laluan tersebut hanya dibuka kepada penggunaan motorsikal dan basikal sahaja.

SEBAHAGIAN peniaga yang mengemukakan mengemukakan soalan berhubung inisiatif dinaiktaraf Pasar Basah Chowrasta pada sesi dialog di sini baru-baru ini.



RM1.5 juta bina sistem parit, taman elak banjir kilat

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

BAGAN - Pemulihan semula taman permainan lengkap dengan sistem perparitan cegah banjir berdekatan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kwong Hwa, Jalan Raja Uda di sini menelan belanja kira-kira RM1.5 juta peruntukan Kerajaan Negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri memilih kontraktor tempatan melalui tender terbuka demi integriti politik di negeri berkenaan.

Guan Eng berkata, kerja-kerja pembangunan di tapak seluas 7,000 kaki persegi itu bermula pada 15 Mac lepas.

Jelasnya, kawasan penempatan serta sekolah berkenaan seringkali menerima banjir kilat ekoran tiada sistem perparitan yang baik.

“Ekoran itu, Kerajaan Negeri berharap projek pembangunan itu boleh siap dalam tempoh enam bulan demi kepentingan rakyat setempat,” katanya ketika mengadakan lawatan kerja di sini baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng serta Maimunah Mohd. Sharif (Yang



KETUA Menteri dikerumuni murid-murid SJKC Kwong Hwa ketika mengadakan lawatan kerja projek perparitan cegah banjir di sini baru-baru ini.

Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) turut menyertai lawatan kerja Guan Eng itu.

Sebelum pada itu, Guan Eng

menyertai satu program amal bersama-sama pelajar sekolah rendah berkenaan.

Ahli Parlimen Bagan itu dikerumuni

serta diramahi pelajar-pelajar, sambil diminta tandatangan kenang-kenangan sebagai tanda cakna Kerajaan Negeri sejak lima tahun lepas dihargai.

Tiga fasa pengurusan lalulintas efisien

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui sebuah syarikat konsultan baru-baru ini menyiapkan satu Kajian Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang menyeluruh meliputi tiga fasa utama berhubung pelaksanaannya di sini.

Tiga fasa berkenaan adalah meliputi pelaksanaan tempoh jangka pendek bermula pada tahun 2013 hingga 2015, jangka sederhana (2015 - 2020) dan jangka panjang (2020 - 2030).

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pertambahan pesat kenderaan di Pulau Pinang memerlukan satu sistem pengangkutan jalan raya dan pengurusan lalulintas yang efisien dan menyeluruh.

“Semua sistem ini perlu berintegrasi dengan pelan struktur negeri dan tempatan agar perancangan pembangunan di sesuatu kawasan mengambil kira keperluan serta kepentingan sistem jalan raya dan lalulintas yang secara tidak langsung bakal memimpin pertumbuhan kawasan terbabit.

“Berhubung pengimplementasian tersebut, Kerajaan Negeri turut memandag



CHOW Kon Yeow berucap pada Majlis Perasmian Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

serious isu pengangkutan awam dan kadar penggunaannya oleh rakyat Pulau Pinang.

“Oleh itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan melalui Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) telah menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Negeri dengan jumlah

perbelanjaan RM3.2 juta,” ujarnya semasa berucap pada Majlis Pelancaran Pelan Induk Pengangkutan Negeri di Komtar baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Exco-exco Kerajaan Negeri, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau

Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail dan Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud.

Dalam masa sama Kon Yeow berkata, dalam perancangan pelan induk tersebut, sistem pengangkutan awam negeri akan dinaiktaraf dan diluaskan kebolehsampaiannya.

“Ini adalah bagi memudahkan rakyat mendapatkan khidmat pengangkutan awam termasuk penambahbaikan perkhidmatan bas dan feri.

“Serentak itu, menjelang tahun 2030, kemudahan pejalan kaki serta keperluan golongan orang kurang upaya (OKU) turut akan dipertingkatkan,” ujar Kon Yeow.

Dalam pada itu, Guan Eng memberitahu, proses pelaksanaan pelan induk tersebut akan ditumpukan agar semua kesulitan rakyat Pulau Pinang terutama pada aspek pengangkutan dan pengurusan lalulintas dapat diselesaikan secara berintegriti serta berhemah.

“Pelan induk ini merangkumi Pelan Tindakan Lebuhraya, Pelan Tindakan Sistem Pengangkutan Awam, Pelan Tindakan Kebolehcapaian, Pelan Tindakan Institusi dan Kajian Pengangkutan Air,” jelas beliau.

Malaysia perlu kaca mata baharu!

Pengenalan: Membaca Politik

Kaca mata ini tujuannya membantu kita untuk melihat dengan lebih jelas dan tepat – selain tujuan menghalang silau cahaya dan tidak kurang juga semata-mata sebahagian pilihan aksesori untuk bergaya. Namun, bagi mereka yang kabur penglihatannya, kaca mata bukan pilihan tetapi kemestian yang mandatori. Tanpa kaca mata, pastinya sukar untuk mereka yang rabun untuk melihat dan membaca. Jika kaca mata yang kita pakai tidak lagi sesuai akibat persekitaran dan keadaan mata kita yang telah berubah, maka kaca mata kita juga wajib diubah. Demikian juga halnya dalam membaca politik.

Apakah yang dimaksudkan dengan membaca politik ini? Membaca politik ini ertinya bagaimana kita memberi perspektif kepada sesuatu persekitaran politik dan pastinya setelah Pilihan Raya Umum yang ke-13 ini, persekitaran politik Malaysia telah menunjukkan perubahan yang sangat besar dalam pola pengundian.

Cabarannya, jika kita menggunakan kaca mata atau perspektif lama untuk mencerap keadaan semasa ini, kemungkinan besar cerapan kita itu kabur dan mengelirukan yang menyebabkan kita gagal memahami corak politik kini.

Kaca Mata Bersifat Kaum

Tiga puluh atau empat puluh tahun dahulu mungkin tidak sukar untuk mencerap dan membaca persekitaran politik Malaysia. Pola pengundian sangat jelas dan secara kasarnya bertepatan dengan garis kaum – orang Melayu umumnya mengundi UMNO, PAS, orang Cina mengundi MCA, Gerakan dan orang India mengundi MIC. Mudah. Hal ini kerana demografi penduduk Malaysia yang terpisah mengikut kaum; Melayu di kampung, Cina di bandar, India di ladang dan estate. Taburan demografi ini sudah tentunya berkait pula dengan

sektor ekonomi yang diusahakan oleh tiap-tiap kaum ini; bertani, berniaga dan berladang. Justeru harapan politik setiap bahagian masyarakat ini lebih mudah untuk dijangka dan ditelah – maaf, oleh kerana keterbatasan ruang, huraian penulis ini memang kelihatan simplistik.

Bagi perincian lanjut, rujuklah tulisan seperti Profesor Sains Politik Arend Lijphart yang menulis buku *Democracy in Plural Societies*. Beliau menyatakan bahawa Malaysia mengamalkan *consociational politics* atau politik permuafakatan di kalangan elit politik.

Setiap kaum diwakili oleh elit kaum masing-masing dengan andaian bahawa setiap kaum yang terpisah secara demografi ini memiliki hasrat dan harapan politik yang berbeza; maka, hanya elit politik kaum masing-masinglah yang paling arif akan keperluan setiap anggota kaumnya.

Kaca Mata Kelas Ekonomi

Cerita di atas, adalah analisa yang dibuat oleh Prof Arend Lijphart pada tahun 1977 – kira-kira 36 tahun lalu. Sepanjang tempoh ini, demografi masyarakat Malaysia telah banyak berubah. Negara kita telah berkembang daripada negara berasaskan pertanian kepada negara berteraskan pembuatan meskipun belum mencapai tahap negara industri sepenuhnya.

Ekonomi juga telah menunjukkan perkembangan yang nyata daripada negara berpendapatan rendah kepada negara berpendapatan sederhana (meskipun 15 tahun terakhir ini tidak menunjukkan sebarang tanda bahawa kita bergerak kepada negara berpendapatan tinggi).

Kini, hasil daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1970-1990 dan pertumbuhan ekonomi yang rancak sebelum kegawatan ekonomi pada tahun 1997/1998, masyarakat Melayu tidak lagi secara



tipikal berada di kampung-kampung. Garis ekonomi tidak lagi mengikut garis kaum. Orang Melayu tidak hanya sekadar bertani & bertukang, manakala tidak semua orang Cina hanya berdagang. Perubahan ekonomi ini juga menyebabkan perubahan demografi penduduk.

Proses perindustrian telah membolehkan bandar-bandar baharu seperti Bayan Baru dan Pasir Gudang berkembang. Malah, tempoh ini menyaksikan penghijrahan masyarakat desa ke kota yang besar. Perbandaran atau urbanisasi menjadi rancak, bandar utama seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang bertambah daripada segi saiz kawasan dan juga jumlah penduduk.

Perkembangan ini telah melahirkan kelas menengah yang boleh dikatakan agak besar di negara ini. Secara umumnya, mereka ini berpendapatan sederhana dengan pekerjaan yang baik, tinggal di bandar-bandar dan terdedah dengan perkembangan sosial serta politik semasa – mereka ini tidak kira Melayu, Cina dan India.

Meskipun pada ketika ini, harapan politik mereka sarat dengan keingingan untuk mencapai pertumbuhan pembangunan ekonomi dan infrastruktur – dalam bahasa akademiknya, *developmentalism* – cakap-cakap berkenaan harapan ruang demokrasi yang lebih luas mula kedengaran.

Oleh sebab itu, tuntutan kepada akses media yang lebih adil dan lain-lain mula kedengaran sejak akhir dekad 80-an oleh golongan kelas menengah ini yang bergerak atas medium badan bukan kerajaan (NGO).

Maka kaca mata kaum semata-mata tidak cukup

untuk memahami hasrat politik ini, justeru sebagaimana yang dihuraikan di atas, kaca mata kelas sangat penting – kefahaman mengenai struktur sosio-ekonomi dan impaknya kepada politik. Persoalannya kini, apakah kaca mata kelas ini telah memadai untuk memahami perubahan lanskap politik setelah PRU13 ini?

Kaca Mata Politik Budaya

Pada hemat penulis, perubahan politik pada PRU13 kali ini bukan semata-mata oleh mana-mana kaum atau mana-mana kelas ekonomi. Walaupun banyak pihak termasuk Perdana Menteri yang kita kasihi mendakwa bahawa pilihan raya ini merupakan Tsunami Cina, namun berdasarkan fakta ini ternyata tidak benar. Parti Barisan Nasional menunjukkan penurunan sokongan di semua negeri termasuk negeri majoriti Melayu seperti Perlis, Terengganu dan Pahang – kecuali Kedah (daripada 46.8% pada 2008 kepada 50.6% pada 2013).

Dalam pada masa yang sama, Pakatan Rakyat m e m p e r l i h a t k a n pertambahan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) berbanding 2008 di semua negeri kecuali Kelantan dan Kedah. Malah, sokongan terhadap Pakatan rakyat di 23 kerusi majoriti Melayu seperti di Kangar, Sekijang, Jelevu, Kepala Batas, Sempang, Simpang Renggam meningkat lebih 5 peratus.

Maka berdasarkan gambaran di atas, walaupun agak jelas Pakatan Rakyat menang di semua ibu negeri kecuali Kangar, Johor Bahru dan Persekutuan Putrajaya, namun untuk mengatakan ini bukti bahawa pengundian kali ini semata-mata atas garis demografi bandar-luar bandar juga kurang tepat.

Bagi penulis, kesimpulan awal yang boleh dibuat adalah berlaku perubahan nilai dan harapan politik yang besar dalam semua segmen masyarakat di negara ini, khasnya generasi muda yang membentuk kira-kira 3.3 juta pengundi – sebahagiannya pengundi baru. Perubahan nilai budaya politik ini terhasil daripada kemajuan teknologi maklumat yang telah menafikan dominasi parti pemerintah terhadap media massa.

Berdasarkan statistik daripada Internet World Stats sehingga Disember 2011; terdapat 17.72 juta pengguna internet di negara ini dengan kadar capaian sehingga 60.7% di seluruh negara (kadar capaian ini sudah pasti melebihi 70% di Semenanjung Malaysia). Manakala terdapat sekitar 14 juta pengguna laman Facebook di negara ini sehingga akhir tahun 2012.

Angka ini tidak boleh diabaikan begitu sahaja kerana capaian maklumat ini bukan sahaja terhenti pada kalangan generasi muda sahaja kerana anak muda ini akan pulang ke kampung halaman masing-masing dan akan berkongsi idea dan harapan mereka bersama orang tua dan penduduk kampung masing-masing. Di samping warga tua di kampung-kampung itu sendiri sebahagiannya sudah pandai membuka laman Youtube dan memiliki akaun Facebook masing-masing.

Perubahan nilai ini dikongsi oleh kebanyakan anggota masyarakat yang rentas kaum, status ekonomi, dan kawasan tempat tinggal. Justeru, kajian yang lebih terperinci harus dilakukan. Apa yang pasti, rakyat Malaysia, termasuk Perdana Menteri kita, memerlukan kaca mata yang baharu untuk membaca politik negara ini.

Sekian.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks	NAMA ADUN	No Tel/ No Faks	PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YAB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614	PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	Sedang dikemaskini	PENAGA Bakal Dilantik	-
PANTAI JEREJAK YB Haji Mohd. Rashid Hasnon rashid.hasnon@penang.gov.my	(T) 019 - 411 2108	BERTAM YB Shariful Azhar Othman	Sedang dikemaskini	BERTAM Bakal Dilantik	-
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 650 5134 (F) 04 - 261 8715	PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	Sedang dikemaskini	PINANG TUNGGAL Bakal Dilantik	-
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 228 8514	PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	Sedang dikemaskini	PERMATANG BERANGAN Bakal Dilantik	-
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim abdmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496	SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	Sedang dikemaskini	SUNGAI DUA Bakal Dilantik	-
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175	TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid	Sedang dikemaskini	TELOK AIR TAWAR Bakal Dilantik	-
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419	SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria	Sedang dikemaskini	SUNGAI ACHEH Bakal Dilantik	-
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745	BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini	BAYAN LEPAS Bakal Dilantik	-
PADANG LALANG YB Chong Eng	Sedang dikemaskini	PULAU BETONG YB Muhamad Farid Saad	Sedang dikemaskini	PULAU BETONG Bakal Dilantik	-
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464	TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayoob	Sedang dikemaskini	TELUK BAHANG Bakal Dilantik	-
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	Sedang dikemaskini				
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885				
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926				
BERAPIT YB Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476				
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Hoon	Sedang dikemaskini				
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 017 - 472 9990 (F) 04 - 228 8514				
JAWI YB Soon Lip Chee icsoon@mpsp.gov.my	(T) 012 - 429 0163				
PENKALAN KOTA YB Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 2501522 (F) 04 - 2501523				
BAGAN DALAM YB Tanaseharan a/l Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 538 1162 (F) 04 - 537 1163				
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Ping	Sedang dikemaskini				
SUNGAI BAKAP YB Hj. Maktar Hj. Shapee adunan.dunsgbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648				
KOMTAR YB Teh Lai Heng	(T) 016 - 445 9808				
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soo Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 229 2105 (F) 04 - 226 2550				
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey yapssoohuey@gmail.com	Sedang dikemaskini				
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226				
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbktengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677				
PENANTI YB Noriela Ariffin	Sedang dikemaskini				
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim	Sedang dikemaskini				
BATU UBAN YB T. Jayabalan	Sedang dikemaskini				
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnrayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611				
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 04 - 227 1397 04 - 227 4482				



GEORGE TOWN FESTIVAL 2013
Penang, Malaysia

TAKING OFF

MAJLIS PEMBUKAAN RASMI GEORGE TOWN FESTIVAL
8 JUN • 3ptg • ESPLANADE

PERCUMA

SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)

Nama	Telefon
Teoh Seang Hooi (DAP) shteow@mpsp.gov.my	019-412 99 96 04-594 1231
Visvanathan a/l Kumaran (DAP) visvanathan@mpsp.gov.my	012-477 6468 04-398 3242 (Tel) 04-502 1667 (Fax)
Tan Xin Ying (DAP)	016 - 553 1987
Mohd Shaipol Ismail (DAP)	012 - 571 2250
Guanalan a/l Sengalaney (DAP)	013 - 485 3128
Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chanderasekeran@mpsp.gov.my	012-5619870
Mohamad Zainudin Othman (PKR) mohamadzainudin@mpsp.gov.my	013-45 47 009
Ahmad Farid Md. Arshad (PKR) ahmadfarid@mpsp.gov.my	019-540 9396 04-3979796 (Fax)
Johari Kassim (PKR) johari@mpsp.gov.my	019-449 1450
Abdul Latif Abdullah (PKR) abdul_latif@mpsp.gov.my	019-560 57 55
Lim Eng Nam (PKR) peterlim@mpsp.gov.my	016-411 44 00 04-588 0818 (Tel) 04-588 0885 (Fax)
Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shanmugam (PKR) kusala@mpsp.gov.my	019-54 63 257
Amir Md. Ghazali (PKR) amir@mpsp.gov.my	013-584 8386 04 - 521 1987 (Fax)
Ahmad Kaswan Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my	019- 408 4899
Dr. Tiun Ling Ta (NGO) ttiun@mpsp.gov.my	013-430 2096 04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax)
Ahmad Tarmizi Abdullah (NGO)	013 - 414 4822
Loh Joo Huat (DAP) jhhoh@mpsp.gov.my	012-4221133
Ong Koon Liak (DAP) klong@mpsp.gov.my	012-4277868 04-530 0363 (Tel) 04-538 6950 (Fax)
Sarina Hashim (PKR) sarina@mpsp.gov.my	013-50 00 155
Md Jamil Abd. Rahman (PAS) mjamil@mpsp.gov.my	019-4490007
Wong Chee Keet	012-451 1312

SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)

Nama	Telefon
Zulkifli Mohd. Noor (DAP)	012 - 483 0878
Harvindar a/l Darshan Singh (DAP)	012 - 42822 50
Tay Leong Seng (DAP)	019 - 321 9392
Lim Cheng Hoe (DAP)	016 - 438 4809
Tan Hun Wooi (DAP)	012 - 488 0409
Ong Ah Teong (DAP)	012 - 410 6566
Ooi Keat Hin (PKR)	016 - 417 1331
Francis a/l Joseph (PKR)	012 - 474 3321
Ramlah Bee Binti Asiahoo (PKR)	016 - 422 2142
Mohamed Yusoff Mohamed Noor (PAS)	04 - 657 7464 (Tel) 012 - 472 8114
Iszuree Ibrahim (PAS)	016 - 443 3205 019 - 450 7890
Sr. Mohd. Zahry Shaikh Abdul Rahim (NGO)	012 - 472 6725
Gooi Seong Kin (DAP)	016 - 457 1271
Prem Anand a/l Loganathan (DAP)	012 - 412 2558
Tan Seng Keat (PKR)	012 - 438 6191
Muhammad Sabri Md. Osman (PKR)	013 - 432 0207
Mohd Taufik Sulong (PKR)	012 - 438 0873
Tahir Jalaluddin Hussain (NGO)	012 - 463 5959
Dr. Lim Mah Hui (NGO)	012 - 422 1880
Sin Kok Siang (NGO)	016 - 422 2255
Ng Chek Siang (PKR) perisaihebat@gmail.com	016 - 470 7089

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:

YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:

CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
MOHD. HAFIZ TAJUDIN

Jurugrafik:

LOO MEI FERN
IDZHAM AHMAD

sertai kami melalui "sms blast",
taip "ADD ME" 019 357 9726

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: suaracat@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256

Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Mei-Jun 2013

24hb Mei
Wesak Day
Malaysia Buddhist Association



1hb - 9hb Jun
Penang Floral Festival 2013
Penang Botanic Gardens

Iklaneka

IKLANKAN BISNES ANDA DI
Mutiara
www.buletinmutiara.com
http://www.facebook.com/buletinmutiara

Buletin Mutiara boleh diperolehi di :

- Pejabat-pejabat ADUN
- Pejabat-pejabat Kerajaan Negeri
- Pejabat-pejabat PBA
- Bukit Bendera
- Pasaraya-pasaraya sekitar Pulau Pinang
- Hospital-hospital Kerajaan dan Swasta
- Pejabat-pejabat NGO
- Edaran rumah ke rumah

Jenis Iklan	Saiz	Kos (sebulan, RM)
Satu Muka Surat	25sm(w) x 32sm(h)	15,000 (*)
Separuh Muka Surat (melintang)	25sm(w) x 16m(h)	7,500 (*)
Separuh Muka Surat (menegak)	12.5sm(w) x 32m(h)	7,500 (*)

Bagi Maklumat Lanjut, Sila Hubungi :

Shawal Ahmad:

04 - 650 5550, 04 - 650 5256, 012 - 424 9004

shawal@penang.gov.my atau shawal9004@gmail.com



ANTARA persembahan menarik bersempena penganjuran *Penang World Music Festival 2013*.



AKSI sekumpulan kanak-kanak pada Majlis Perasmian Projek Naiktaraf Kompleks Bukit Gedung.



PARA atlet negeri beraksi di depan lensa pada Majlis Sukan Malaysia XVI *100 Days Countdown*.



KETUA Menteri bersama pucuk pimpinan MPPP melompat keriangan pada Majlis Perasmian Projek Menaiktaraf Padang Datok Keramat.



PARA peserta dan umum menunjukkan tanda bagus ketika merentas Basikal 'Give Me Five'.



KETUA Menteri bersama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenang-kenangan ketika menyambut ketibaan Timbalan Perdana Menteri Thailand.



YANG Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif (kanan sekali) ditemani Setiausaha Perbandaran MPSP Sr. Rozali Mohamud (berkopiiah) memerhatikan bahan-bahan pameran pada Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2013.



YANG Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif (depan, bertudung) beramah-mesra dengan penerima-penerima anugerah pada Majlis Penghargaan Pesara dan Anugerah Cemerlang MPSP 2013.

akamkan gambar kenang-kenangan pada Majlis Perasmian Replika

YOUR VOICE MATTERS

Penilaian Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang
(The Evaluation of the Official Portal of The Penang State Government)

Anda adalah dibenarkan untuk mengemukakan pandangan, inisiatif, maklumat, berbalik atau soal-soal yang berkaitan dengan Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada pembantukan perkhidmatan.

<http://ebayar.penang.gov.my>

Pembayaran Bagi ...

- Cukai Tanah
- Pinjaman Penuntut
- Cukai Taksiran MPPP
- Cukai Taksiran MPSP

GOVPG@15888
Perkhidmatan SMS Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Semua Perkhidmatan Yang Ditawarkan

Semakan Status Rumah Kos Rendah	Semakan Status Pembayaran Kontraktor
Semakan Status Pinjaman Penuntut	Semakan Status Pendaftaran Warga Emas
Semakan Status Saki Pinjaman Penuntut	Semakan Status Cukai Tanah

sila klik untuk maklumat lanjut

Permohonan, Semakan Rumah Kos Rendah, Sederhana Rendah & Projek Pemukiman Rakyat (PPR)

<http://rumah.penang.gov.my>

EzeB

Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Online Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Online Kerajaan Negeri Pulau Pinang

ePINTAS
Penang Information And Complaint System
<http://epintas.penang.gov.my>

Penang Information and Complaint System (ePINTAS) merupakan Gerbang Aduan Bersepadu Kerajaan Negeri yang membolehkan orang ramai membuat aduan, komen, teguran, cadangan dan pertanyaan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri.

Gerbang Aduan Bersepadu Kerajaan Negeri

JPS CARELINE
1 300 80 1010

Sebarang aduan tentang perkhidmatan JPS boleh disalurkan melalui JPS CARELINE 1 300-80-1010

Sistem Pendaftaran Warga Emas

i-Sejahtera
<http://www.isejahtera.gov.my>

Walaupun Aduan, Makluman dan

i-BiTA
SISTEM PERMOHONAN BANTUAN KE INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM

<http://ibita.penang.gov.my>

My Penang | My Workplace

Penang CAT
Career Assistance and Talent Centre

www.penangcatcentre.my
Your Global Gateway to Careers in Penang

Tel: 604-250 2170
Fax: 604-250 2171

Komtar dipulihara & dinaiktaraf

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Kerja-kerja pemuliharaan dan naiktaraf Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) bakal dimulakan pertengahan tahun ini dan dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2015.

Ini adalah termasuk kerja-kerja pembinaan termasuk lif lingkaran luar Komtar yang bakal menjadi produk tarikan terbaharu menghubungkan Tingkat 5 ke puncak (Tingkat 65); pembinaan semula premis restoran bertaraf antarabangsa (*sky dining*) di Tingkat 59 dan Tingkat 60; menaiktaraf empat lif sedia ada dalam bangunan Komtar, pembinaan Dewan Bankuet (Tingkat 5), arked membeli-belah (Tingkat 5) dan eskalator di tangga utama ke

Tingkat 5.

Apabila ia siap, dewan bankuet akan mempunyai ruang sambut tetamu, ruang istirahat dan ruang makan yang mampu menampung 750 hingga 800 orang dalam satu-satu masa.

Pembinaan tersebut juga bakal meliputi kawasan Dewan Tunku yang bakal dibangunkan sebagai Pusat Teknologi Pulau Pinang iaitu pertama seumpamanya dalam negara.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, syarikat World Equipment Sdn. Bhd. (WESB) di bawah *Only World Group* (OWG) adalah pembida yang berjaya memperoleh tender pembinaan bernilai RM40 juta tersebut.

“Kerajaan Negeri berharap Komtar akan ‘hidup’ semula dan menjadi tarikan utama pelancong yang datang ke Pulau Pinang,”



LAKARAN artis keadaan Komtar yang bakal dinaiktaraf.

katanya pada Majlis Pecah Tapak Bagi Pembinaan Dewan Bankuet, Tingkat 5 Komtar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan

Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang,

Pengarah Urusan WESB Richard Koh, Timbalan Pengurus Besar PDC, Iskandar Basha Abdul Kadir dan mantan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar yang kini merupakan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Kredibiliti petisyen dipersoal, nama Ahli Majlis & YDP tersenarai

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

PULAU TIKUS – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini mempersoalkan kredibiliti sebuah petisyen atas talian disuarakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang membantah projek pembangunan komersial 27 tingkat, *Moulmein Rise* di sini baru-baru ini.

Terdapat lebih 200 nama disenaraikan membantah projek tersebut dan 24 daripadanya adalah nama didakwa ‘menyerupai’ Ahli Majlis MPPP dan Yang Dipertua Majlis, Datuk Ar. Patahiyah Ismail.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow pada satu sidang media berkata, kemungkinan individu-individu yang dimaksudkan mempunyai nama yang sama.

“Petisyen yang dibuat adalah kekurangan aspek kredibiliti dan kesahihannya,” katanya di sini baru-baru ini.



CHOW Kon Yeow (kanan sekali) bersama Ahli-ahli Majlis MPPP menunjukkan kandungan petisyen atas talian disuarakan sebuah NGO yang dipersoal kredibilitinya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong dan D. Harvinder Singh.

Serentak itu, beliau turut mempersoalkan sebab peniaga-peniaga di sini tidak menyuarakan bantahan mereka, sebaliknya petisyen tersebut menyatakan seolah-olah mendapat bantahan daripada semua pihak.

“Pemaju projek ini adalah sama dengan pemaju sebuah kompleks membeli-belah 1st Avenue. Kita dapat lihat kualiti tempat kereta (*1st Avenue*) yang saya berani katakan tempat letak kereta terbaik berbanding lain.

“Pada masa sama, pihak pemaju turut menyediakan 200 tempat parkir kereta di sut komersial tersebut dan 90 lagi adalah tempat letak kereta awam berdasarkan keperluan pengunjung di sini,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Patahiyah menyatakan bahawa beliau sendiri terkejut apabila menerima emel petisyen bantahan berkenaan yang turut menyenaraikan namanya.

“Berdasarkan maklumat petisyen tersebut, saya menyangkal fakta-fakta pembangunan dikeluarkan pihak terbabit iaitu pertama, tanah tersebut sebenarnya merupakan tanah persendirian dan lebih 50 peratus daripadanya pada asalnya adalah tanah komersial.

“Selain itu, MPPP telah mengeluarkan tiga notis dan turut mendengar bantahan daripada penduduk berhampiran (20 meter dari kawasan pembangunan) sepertimana ditetapkan di bawah Seksyen 21 (6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976,” tegas beliau.



MOHD. Salleh Man ketika berucap di hadapan ahli-ahli Kumpulan Wanita Permatang Rawa bersempena lawatan beliau di sini baru-baru ini.

Kumpulan Wanita Permatang Rawa dirai

Oleh : **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

PERMATANG PASIR – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man baru-baru ini mengadakan lawatan khas terhadap Kumpulan Wanita Permatang Rawa yang mewarisi kemahiran masyarakat tradisi kampung seperti alunan Qasidah dan Burdah, bacaan Yasin dan lain-lain di Permatang Rawa di sini.

Serentak itu, Mohd. Salleh turut menyumbangkan sumbangan bernilai RM2,000 sebagai sokongan kepada kumpulan tersebut sebagai penghargaan bakti mereka kepada masyarakat setempat.

Katanya, peranan dimainkan kaum ibu dan wanita adalah satu tanggungjawab yang besar.

“Tanggungjawab para ibu dan wanita pada masa hadapan adalah lebih besar kerana lebih banyak kerja yang perlu dilakukan untuk membentuk generasi anak muda terutama anak-anak perempuan.

“Cabaran yang akan kita hadapi lebih hebat kerana mereka merupakan satu generasi baru dan diharapkan dengan kewujudan kumpulan ini, anak-anak akan ada satu panduan serta sandaran untuk menjadi generasi baru yang lebih baik,” ujarnya yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) di sini baru-baru ini.

10 siswi, 110 pelajar jayakan kempen Hijau Penaga

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

PENAGA - Lebih 10 mahasiswi Universiti Sains Malaysia (USM) serta 110 pelajar sekolah rendah sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Penaga menyertai program kempen memulihara alam sekitar kendalian *Penang Green Council* (PGC) baru-baru ini.

Program itu dirasmikan sendiri oleh mantan Timbalan Ketua Menteri I yang kini merupakan Ahli Parlimen Nibong Tebal, Datuk Mansor Othman.

Surayahani Mohd. Yusof, 27, calon sarjana perancangan bandar di USM semasa ditemui melahirkan rasa syukur kerana dipilih menjadi fasilitator program tersebut.

“Mula-mula sekadar mengisi masa lapang saja. Lama-kelamaan, program sukarelawan macam ini timbul kesedaran pula, ujar Surayahani di Dewan JKKK Penaga, di sini.

Nada yang sama turut diluahkan Ayufarhana Arifin, 25, calon sarjana perancangan bandar, sama seperti Surayahani.

“Latar belakang saya ini menyebabkan saya minat dengan alam sekitar. Sebelum ini pun, saya sudah menyertai program-program sebegini seperti sifar sampah, sejambak tanpa tenaga elektrik dan sebagainya di USM,” ujarnya kepada Buletin Mutiara.

Sebelum pada itu, Mansor berkata, inisiatif PGC dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat mengadakan program kesedaran membabitkan pelajar sekolah rendah cukup bermakna bagi Kerajaan Negeri.

Ini kerana katanya, kempen ‘Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat’ yang dilancarkan Kerajaan Negeri sejak beberapa tahun lepas mampu menubuh kesedaran kepada waris-warisan pelajar berkenaan.

“Program ini khususnya untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar dari sekolah rendah. Mereka ini dipilih daripada JKKK.

“Penyertaannya bagus sebab PGC sasar 100 orang sahaja, tetapi, yang datang lebih.



AYUFARHANA Arifin (empat dari kiri) bersama-sama sukarelawan siswi USM bertindak sebagai fasilitator program kempen Hijau Penaga di sini baru-baru ini.

“Saya lihat, ada waris turut serta dalam beberapa aktiviti pagi ini kerana meneman anak mereka,” ujar beliau semasa merasmikan program itu.

Mantan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri

(KADUN) Penaga, Rosidi Hussain turut serta dalam program tersebut.

Aktiviti menanam pokok redup serta majlis penerangan mengenai pripenting menjaga alam sekitar antara aktiviti menarik dalam program sehari sepetang itu.

Fiesta Santai Rakyat tawan hati penduduk



JUSNI Ismail (berdiri, kanan sekali) menyampaikan hadiah kepada salah sebuah kumpulan bersempena penganjuran Fiesta Santai Rakyat Daerah SPT di sini baru-baru ini.

MERIAH... Penganjuran Fiesta Santai Rakyat Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) oleh Pejabat Daerah dan Tanah SPT serta Pejabat Timbalan Ketua Menteri I berjaya menawan hati lebih 1,000 penduduk setempat di sini baru-baru ini.

Fiesta berkonsepkan suasana kampung tersebut diadakan di Taman Janggus, Permatang Pauh iaitu sebuah taman perumahan kluster di pinggir bendang.

Pelbagai acara unik yang dianjurkan berjaya menarik penyertaan pelbagai golongan masyarakat tanpa mengira usia termasuk pelajar tadika dan ibu bapa. Antaranya, kayuhan bendang, pertandingan memancing, gubahan,

pameran agensi kerajaan serta kenduri rakyat.

Penganjuran fiesta itu merupakan satu pendekatan bagi mempereratkan masyarakat dengan kepimpinan kerajaan negeri.

Mantan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman hadir merasmikan majlis penutupan dan penyampaian hadiah penganjuran berkenaan.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man; Pegawai Daerah SPT, Jusni Ismail; mantan Pegawai Penyelaras Kadun (PPK) Seberang Jaya, Abdul Jalil Che Ros; dan Ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ahmad Farid Md Arshad.

Pembangunan lestari dicapai melalui pembangunan terancang

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN - Bagi memastikan kemajuan Pulau Pinang selaras dengan kepentingan pemuliharaan masa depan alam sekitar, Saintis dan Aktivis Alam Sekitar, Dr. Rajendra Pachauri merumuskan bahawa cabaran Asia dalam pembangunan lestari umumnya boleh dicapai menerusi pembangunan terancang pihak kerajaan.

Beliau yang juga penyelidik diiktiraf pada peringkat antarabangsa menggariskan pendapat tersebut pada ucapannya bersempena penganjuran *The Asian Challenge Of Sustainable Development Forum* di sini baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis anjuran *Penang Institute* (PI) tersebut adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Ketua Pegawai Eksekutif PI, Zairil Khir Johari.

Guan Eng pada majlis tersebut menekankan bahawa betapa pentingnya menjaga alam sekitar kerana aset tersebut hanyalah pinjaman daripada anak cucu kita.

“Isu alam sekitar pada hari ini telah menjadi satu isu yang amat besar maknanya kepada dunia.

“Seluruh dunia sedar mengenai perubahan iklim yang mendadak. Kami di Pulau Pinang menjadikan pembangunan yang selamat sebagai garis panduan dalam mencapai taraf antarabangsa dengan prinsip Pulau Pinang, Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat yang juga merupakan visi negeri,” ucapnya baru-baru ini.

Beliau menjelaskan bahawa Pulau Pinang merupakan negeri pertama berkempen mengurangkan beg plastik dalam negara, malah, turut menegahkan penggunaan plastik dalam kalangan penjaja serta pengguna.

“Sejajar itu, program-program sihat seperti acara-acara sukan berbasikal, larian dan lain turut dianjurkan dengan kerap.

“Terbaru, penganjuran ‘*Penang Run*’ meliputi empat peringkat saringan. Malah, Pulau Pinang juga menjadi negeri pertama mewujudkan lorong basikal terpanjang di Malaysia,” jelasnya.

Tambah Guan Eng, pembangunan mampan adalah tanggungjawab utama dalam tadbir urus baik bagi menyediakan masa depan yang cerah kepada anak-anak muda negara.



ZAIRIL Khir Johari (kiri) bergambar kenangan bersama Dr. Rajendra Pachauri pada penganjuran *The Asian Challenge Of Sustainable Development Forum* di sini baru-baru ini.

Prestasi pelaburan negeri lebih baik berbanding 2003-2007

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – *investPenang* (iP) optimis bahawa Pulau Pinang masih kekal sebagai lokasi pilihan pelabur walaupun terdapat penurunan dalam jumlah pelaburan sebagaimana diumumkan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (*Malaysia Investment Development Authority, MIDA*).

Kenyataan tersebut dinyatakan Pengarah iP, Datuk Lee Kah Choon pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Katanya, pada tahun 2011, jumlah pelaburan Pulau Pinang adalah sebanyak RM9.1 bilion dan jumlah tersebut turun kepada RM2.5 bilion tahun lalu (2012).

“Kelembapan ekonomi global dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E) serta angka pelaburan yang dikeluarkan MIDA adalah tidak termasuk pelaburan RM2.9 bilion oleh Pihak Berkuasa Pelaburan Koridor Utara (*Northern Corridor Investment Authority, NCIA*).

“Jumlah pelaburan sebenar bagi Pulau Pinang adalah RM5.4 bilion sekiranya dimasukkan jumlah pelaburan NCIA bernilai RM2.9 bilion dalam statistik dikeluarkan MIDA,” katanya di sini.

Menurut Kah Choon, iP tetap

yakin bahawa Pulau Pinang adalah destinasi pilihan utama pelabur apabila berjaya menarik Bose (dari Amerika Syarikat) untuk menubuhkan kilang pertama mereka di Asia di sini.

“Sungguhpun ada pihak yang tidak bertanggungjawab mendakwa bahawa iP hanya memberi tumpuan kepada negara seperti Taiwan, Australia dan China berbanding negara-negara Eropah, secara perspektifnya pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi negara seperti Belanda dan Jerman adalah rendah,” jelasnya.

Beliau memberitahu, Belanda hanya mencatatkan kadar pertumbuhan KDNK sebanyak -0.9 peratus, Jerman (0.1 peratus), Jepun (0.5 peratus) dan Amerika Syarikat (1.6 peratus) berbanding Australia (3.1 peratus), Taiwan (3.72 peratus) dan China (7.9 peratus).

“Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri mempunyai pandangan jauh yang realistik untuk sasaran pelaburan jangka panjang.

“Penekanan dalam teknologi bernilai tinggi, intensif pengetahuan serta pembangunan dan penyelidikan (R&D) menjadi nilai tambah buat Pulau Pinang menarik minat para pelabur,” tambah Kah Choon yang juga Penasihat Pelaburan kepada Guan Eng.

Tambah beliau, pada 2012, jumlah pelaburan terbanyak adalah dalam sektor bahan kimia (minyak dan gas) dan kelengkapan pengangkutan (automatif) iaitu 34.7 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan di Malaysia.

“Ini berbeza berbanding tahun 2011 di mana sektor E&E adalah penyumbang utama pelaburan negara iaitu 35.8 peratus.

“Fakta-fakta ini cukup menjelaskan penurunan jumlah pelaburan di Pulau Pinang memandangkan kekuatan negeri adalah dalam sektor E&E,” tegas beliau.

Dalam pada itu, Guan Eng menyatakan bahawa jumlah pelaburan di Pulau Pinang pada tahun 1990-1995 adalah yang paling teruk dalam sejarah negeri apabila mencatat RM516.8 juta (1993) dan RM934.5 juta (1994), iaitu berada di bawah nilai RM2.5 bilion.

“Jika kita membandingkan jumlah pelaburan sejak lima tahun lalu iaitu dari 2008 sehingga kini, jumlahnya RM36.1 bilion adalah lebih baik berbanding tahun 2003-2007 iaitu RM18.7 bilion sahaja.

“Malah buat julung kalinya dalam sejarah, Pulau Pinang menjadi juara pelaburan pada tahun 2010 dan mengulanginya lagi pada tahun 2011,” ujarnya.



LEE Kah Choon (kiri) bersama Ketua Menteri pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN kakitangan DES dan jemputan yang hadir pada Majlis Pembukaan Kilang DES di sini baru-baru ini.

Sasar produk ‘Dicipta dan Buatan Pulau Pinang’

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

JURU – Sebuah syarikat milik anak tempatan DES Building Innovate Sdn. Bhd. (DES) yang memulakan operasinya di Shanghai, China kini kembali ke Pulau Pinang setelah melihat potensi cerah di negeri ini.

DES merupakan sebuah kilang yang menghasilkan kaca pintu dan bidai tingkap dengan menggunakan teknologi dari Amerika Syarikat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika merasmikan majlis pembukaan kilang itu berkata, kepulauan DES ke Pulau Pinang sekaligus membuktikan bakat anak tempatan dan modal perniagaannya dari luar negara telah kembali ke negeri.

“Kita (Kerajaan Negeri) juga berharap usaha Kerajaan Negeri untuk menarik kepelbagaian bakat anak tempatan dan modal dari luar negara akan terus berjaya.

“Tanggungjawab Kerajaan Negeri adalah untuk membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) terus berkembang serta menjadi pembekal di peringkat global. Kita tidak hanya mahu lihat produk ‘Buatan Malaysia’, tetapi kita mahu ‘Dicipta dan Buatan Pulau Pinang’,” ujarnya di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Dalam pada itu, menurut Pengarah Urusan DES, Yew Kok Sin, kilang DES diasaskan di sini (Pulau Pinang) pada tahun lalu (2012) dengan modal RM1 juta di atas tapak industri dengan keluasan 2,340 meter persegi di Kawasan Perindustrian Juru.

“Ketika ini, DES mempunyai 50 kakitangan, termasuk 15 pekerja pakar dalam pembuatan bidai dan penyelidik dalam pasukan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) (10).

“Malah, kilang tersebut juga dilengkapi dengan makmal, bilik uji kaji serta bengkel percubaan,” jelas beliau.

Pasaran global faktor penarikan BOSCH

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

BAYAN BARU – Penarikan pelaburan bernilai RM2.2 bilion di Pulau Pinang oleh syarikat konglomerat Robert Bosch Sdn. Bhd. (BOSCH) di negeri ini baru-baru ini adalah disebabkan kesan pasaran dunia yang teruk.

Pengarah *investPenang* (iP), Datuk Lee Kah Choon berkata, BOSCH memutuskan bahawa pihaknya gagal bersaing dalam pasaran dunia dan memutuskan untuk menghentikan operasi panel solar yang sedang dalam pembinaan kini di sini.

“Pasaran dunia bagi panel solar menjadi teruk ekoran potensi tenaga solar yang mempunyai kemampuan agak terhad berbanding tenaga boleh diperbaharui lain seperti elektrik. Kegawatan industri ini berlaku di peringkat global dan bukan hanya di Pulau Pinang.

“Selain itu, mereka (BOSCH) juga terpaksa menanggung kerugian berjumlah 1 billion Euro akibat projek solar ini di peringkat antarabangsa,” katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Kah Choon berkata demikian bagi mengulas dakwaan pihak-pihak yang menyalahkan Kerajaan

Negeri Pakatan Rakyat (PR) tidak pandai ‘menjaga’ pelabur ekoran tindakan penarikan pelaburan berjumlah RM2.2 bilion di negeri ini.

Mengulas lanjut, Kah Choon memberitahu bahawa Kerajaan Negeri bersama iP, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sentiasa memantau situasi tertentu yang memungkinkan BOSCH meneruskan pengeluaran lain di Zon Perindustrian Kecil Sederhana Batu Kawan, Seberang Perai Tengah (SPT).

“Kita sedaya-upaya akan tetap cuba membantu mereka.

“Kerajaan kita (Pulau Pinang) bukanlah satu kerajaan yang kejam. Kita mungkin boleh terokai perusahaan lain yang boleh mendatangkan manfaat pada mereka kerana mengikut rekod, Pulau Pinang adalah negeri pertama yang memberi perhatian serius dalam industri kecil sederhana ini,” tegasnya.

Dalam pada itu, beliau turut menyatakan bahawa Kerajaan PR berjaya menjadi jaguh pelaburan dan menghasilkan nilai pelaburan dua kali ganda dari kerajaan lama menerusi ‘*track record*’ pada tahun 2010 dan 2011.

Pelajar kumpul 525kg kotak minuman

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

BAGAN - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini menjalankan kempen kitar semula kotak minuman di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) Kwang Hwa, Butterworth dalam usaha menayakan slogan Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat hasil inisiatif mantan Ahli Majlis MPSP, Soon Lip Chee.

Lip Chee berkata, sebanyak lima buah sekolah lain, iaitu Pusat Sumber Alam Sekitar SPU, Sekolah Kebangsaan Mak Mandin, SJJC CHin Hwa, SJJC Chung Hwa 2 dan SJJC Chung Hwa Pusat turut menayakan kempen berkenaan.

“Kempen disertai sekolah-sekolah ini telah berjaya mengumpulkan kotak minuman seberat 525 kilogram (kg) sejak dijalankan selama 15 hari bermula pada sambutan Tahun Baru Cina Februari lalu.

“Kita menjalankan kempen ini untuk

mendidik rakyat Pulau Pinang bermula dengan murid-murid sekolah kerana masih ramai yang tidak mengetahui bahawa banyak barang terpakai boleh dikitar semula,” ujar beliau di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Lip Chee berharap agar lebih banyak sekolah dapat mengambil bahagian dalam kempen kitar semula tersebut dan diperluaskan kepada barangan harian lain.

“MPSP akan perluaskan kempen ini pada masa akan datang dan merancang untuk melaksanakannya menjelang setiap musim perayaan.

“Kita jadikan hari ini sebagai titik permulaan ke arah negeri yang lebih hijau dan bersih dan mengalu-alukan kerjasama daripada pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sekolah-sekolah serta kilang-kilang untuk turut sama mengambil bahagian,” jelas beliau.



PARA pelajar SJJC Kwang Hwa, Butterworth menunjukkan tanda bagus ekoran kejayaan Kempen Kitar Semula Kotak Minuman di sini baru-baru ini.

Didik pelajar kitar semula melalui buku catatan

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

BAGAN DALAM - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal mempergiatkan semula aktiviti kesedaran kitar semula dalam kalangan pelajar sekolah rendah melalui program Buku Bank Kitar Semula di sini.

Menurut mantan Pengerusi *Local Action 21* (LA21) MPSP, Soon Lip Chee, program Buku Bank Kitar Semula telah diperkenalkan MPSP sejak empat tahun lalu.

“Buku Bank Kitar Semula merupakan sebuah buku catatan yang merekodkan jumlah barang dikitar semula oleh pelajar dan dibawa ke sekolah untuk dikumpulkan.

“Setiap pelajar yang bawa barang-barang untuk dikitar semula di sekolah akan direkodkan dalam buku bank berkenaan oleh guru.

“Tujuannya adalah untuk menerap dan menggalakkan budaya kitar semula dalam kalangan pelajar bukan sahaja di sekolah, tetapi juga di luar sekolah,” katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Tambah Lip Chee yang kini bergelar Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, setiap pelajar perlu mengisi butir-butir diri

mereka di dalam buku bank tersebut dan catatan akan dibuat seminggu atau sebulan sekali.

“Bahan-bahan kitar semula yang dikumpul di sekolah akan dihantar ke pusat kitar semula.

“Dari situ, sekolah akan dapat sedikit sebanyak wang untuk menampung perbelanjaan elektrik, air dan juga boleh digunakan bagi penganjuran aktiviti-aktiviti lain,” ujarnya di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Chung Hwa 2, Butterworth di sini.

Katanya, selepas ini, beliau berhasrat pihak sekolah dapat melaksanakan program kitar semula berkenaan secara besar-besaran.

“Kerajaan Negeri dan MPSP akan memberi galakan kepada mereka (sekolah) yang turut serta.

“Kita (MPSP) akan bimbing pihak sekolah berhubung kaedah pelaksanaan aktiviti kitar semula ini secara berkesan bagi menjana pendapatan tambahan bagi pihak terbabit,” jelasnya.

Antara sekolah yang berjaya menjalankan aktiviti tersebut adalah SRJKC Chung Hwa 2, SRJKC Kwang Hwa dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) True Light.



SOON Lip Chee (empat dari kiri) membantu salah seorang pelajar menimbang bahan-bahan kitar semula bersempena pelaksanaan program Buku Bank Kitar Semula di salah sebuah sekolah di sini baru-baru ini.

Jelajah prestasi bukti usaha iktiraf persekitaran hijau

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF & MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

TANJUNG BUNGA - Jelajah Prestasi Hijau Pulau Pinang yang memaparkan pencapaian Kerajaan Negeri dalam mengiktiraf kepentingan persekitaran global membuktikan kesungguhan pentadbiran Pakatan Rakyat (PR) negeri dalam menjadikan masyarakat setempat lebih bersih serta hijau sepanjang tempoh lima tahun bermula 2008.

Langkah demi langkah diimplementasikan Kerajaan Negeri PR Pulau Pinang dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang sesuai didiami dan mempunyai kualiti hidup.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, wawasan untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri antarabangsa dan pintar perlu dimulakan dengan mendidik serta memupuk semangat masyarakat agar lebih bersih dan hijau.

“Pulau Pinang telah menjadi negeri pertama di Malaysia melancarkan kempen mengurangkan penggunaan beg plastik.

“Malah, pada 2011, kita (Pulau Pinang)

telah laksanakan sepenuhnya kempen ‘Setiap Hari Tanpa Beg Plastik Percuma’,” katanya ketika merasmikan Jelajah Laporan Prestasi Hijau Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar *Penang Green Council* (PGC), Thing Siew Shuen, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik dan Yang diPertua Majlis

Perbandaran Seberang Perai, Maimunah Mohd. Sharif.

Menurut Guan Eng, pada tahun lalu, Pulau Pinang dicalonkan sebagai bandar kecil pertama menyertai *The Climate and Clean Air Coalition to Reduce Short-Lived Climate Pollutants* (CCAC) iaitu satu inisiatif yang ditubuhkan sejajar dengan Program Persekitaran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNEP).

“Dalam mempromosikan *Zero Waste* (Pembuangan Sisa Sifar), penggunaan bekas polistirena juga telah diharamkan dalam semua acara rasmi kerajaan pada 2009.

“Pulau Pinang juga telah mencapai kadar kitar semula sebanyak 24 peratus pada tahun 2011 iaitu melebihi kadar sasaran kitar semula negara sebanyak 20 peratus bagi 2020. Ini bermakna kita (Pulau Pinang) sembilan tahun lebih awal di dalam usaha ini,” ujar beliau.

Beliau memberitahu, dalam mewujudkan persekitaran rendah karbon, perkhidmatan CAT dan *Bridge Express Shuttle Transit* (BEST) juga diperkenalkan dengan tambang percuma melalui peruntukan RM184,800 setiap bulan Kerajaan Negeri.



KETUA Menteri sambil ditemani Phee Boon Poh (tengah, berbaju ungu) dan Maimunah Mohd. Sharif (depan, empat dari kanan) memerhatikan risalah alam sekitar pada Majlis Jelajah Laporan Prestasi Hijau Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Sasaran 6 emas SUKMA XVI Kuala Lumpur

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN - Pulau Pinang menetapkan sasaran enam pingat Emas sempena temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XVI Kuala Lumpur yang bakal berlangsung pada 28 Jun hingga 7 Julai ini.

Mantan Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi berkata, sasaran ditetapkan adalah berdasarkan peratusan acara dipertandingkan iaitu selaras dengan pencapaian negeri dalam tempoh empat tahun ini yang berjaya memungut lebih dari 8.4 peratus (minimum) dari jumlah pingat dipertandingkan.

“Sebanyak 20 acara dipertandingkan dan sebanyak 132 pingat Emas, Perak (132) dan Gangsa (204) menjadi rebutan pada temasya kali ini.

“Sasaran kita (Pulau Pinang) adalah sebanyak enam pingat Emas dilihat realistik

dengan jumlah acara yang sedikit.


“Kalau boleh capai lebih dari enam (pingat Emas) itu dikira sangat baik. Malah, kita (Pulau Pinang) juga berazam memperbaiki kedudukan tangga ke-6 tahun lalu,” katanya pada majlis *SUKMA XVI 100 Days Countdown* di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut dihadiri para atlet yang bakal mewakili negeri untuk berentap dalam kejohanan berkenaan.

Turut hadir, ahli-ahli keluarga para atlet yang diharap dapat memberi sokongan moral menyeluruh dalam mencapai kejayaan dalam SUKMA XVI.

Tambah Kok Fooi yang kini merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, bukan senang untuk bergelar juara, malah, sifat rajin sahaja belum tentu menjamin tempat sebagai juara.

“Anda semua perlu berada di tahap disiplin tertinggi. Sokongan daripada ibu bapa adalah amat penting kerana kata-kata dorongan ahli



LYDIA Ong Kok Fooi (berjaket hitam) bergambar kenangan bersama-sama barisan atlet pada majlis SUKMA XVI 100 Days Countdown di sini baru-baru ini.

keluarga mampu mengubah pemikiran seseorang anak muda.

“Pada masa sama, saya juga berharap

seluruh rakyat Pulau Pinang akan mendoakan yang terbaik kepada Kontinjen Pulau Pinang.” ujar beliau.

Louis Gan pelukis mural Gat. Leboh Chulia



LOUIS Gan Yee Loong (bertopi) bergambar kenangan bersama-sama Lydia Ong Kook Fooi (empat dari kiri) pada Pameran Solo Lukisannya di sini baru-baru ini.

BERBAKAT... Kecacatan diri tidak sama sekali menghalang pelukis mural terkenal bermotifkan ‘abang dan adik di atas buaian’ serta ‘kanak-kanak bermain bola keranjang’ di Gat. Leboh Chulia untuk bergiat aktif dalam bidang dibakatinya.

Ekoran kesungguhannya, beliau, Louis Gan Yee Loong yang merupakan orang kurang upaya (OKU) penglihatan dan pendengaran telah mengadakan pameran solo bertemakan Lukisan Louis Gan bertempat di Lorong Kinta di sini baru-baru ini.

Pameran tersebut dirasmikan mantan Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi.

Menurut adiknya, Gan Yee Chun, 20, Yee Loong banyak memperoleh inspirasi untuk melukis dan menghasilkan karya dengan keluar bersiar-siar di sekitar bandar George Town.

“Kebolehannya melukis memang telah terserlah sejak kecil,” ujarnya yang merupakan anak kelahiran Balik Pulau di sini.



PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG

PERMINTAAN UNTUK CADANGAN

Tawaran ini dibuka kepada Penaja Projek yang terdiri daripada syarikat tempatan dan antarabangsa untuk menyertai **Permintaan untuk Cadangan (Request For Proposal - RFP)** seperti berikut:-

TAJUK : CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HAB PELANCONGAN PENDIDIKAN DI ATAS TANAH REZAB KERAJAAN NEGERI, LOT 705, SEKSYEN 1, BANDAR TANJUNG PINANG, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

TARIKH DIBUKA : 1 MAC 2013 (JUMAAT)

TARIKH DITUTUP : 31 MEI 2013 (JUMAAT)

Penaja Projek **DIGALAKKAN** menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak yang akan diadakan seperti berikut:

TARIKH : 20 MAC 2013 (RABU)

JAM : 10.00 PAGI

TEMPAT : LOT 705, SEKSYEN 1, BANDAR TANJUNG PINANG, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

(BERSEBELAHAN DENGAN TESCO, TANJUNG TOKONG)

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Puan Bharathi A/P Suppiah atau Puan Siti Hajar Binti Abdul Rahim di talian 04-6505554, 04-6505711 dan 04-6505679.

ACUAN yang digunakan bagi membentuk kuih putu kacang.



Oleh: YAP LEE YING
Gambar: IDZHAM AHMAD

KUIH tradisional putu kacang bukan hanya terkenal dalam kalangan masyarakat berketurunan Cina, malah, ia turut menjadi sajian utama menjelang sambutan Hari Raya dan juga kenduri-kenduri kahwin mereka berketurunan Melayu.

Kebiasaannya, kacang hijau yang menjadi bahan asas dikisar menggunakan mesin berbanding kaedah zaman dahulu kala menggunakan penumbuk kayu atau lebih dikenali sebagai lesung kaki.

Walaupun ditelan zaman, ruangan jalan-jalan Buletin Mutiara (BM) berjaya menjejaki pengusaha kuih putu kacang yang masih mempratikkan penggunaan kaedah tradisional berkenaan.

Bertempat di Kampung Permatang Jagus, Penaga, Seberang Perai Utara (SPU), Halimah Hasan, 57, ataupun lebih dikenali sebagai Kak Yah menyatakan bahawa penggunaan kacang hijau dikisar adalah lebih kering dan rasanya tidak sedap seperti yang ditumbuk.

Penumbuk tradisional rahsia putu kacang Kak Yah

“Kacang yang ditumbuk lebih sedap dan tidak kering sangat,” jelas Kak Yah ringkas pada sesi wawancara di kediamannya baru-baru ini.

Katanya, sebelum ditumbuk, kacang hijau perlu terlebih dahulu dibasuh kemudian disejat hingga kering. Selepas ditumbuk, ia perlu diayak dan kemudian dicampurkan dengan gula.

Kah Yah memberitahu, resipi kuih putu kacang keluarannya adalah diwarisi daripada Toknya. Malah, didorong oleh minat,

beliau mula belajar membuat kuih ketika berusia belasan tahun.

“Tok buat masa Raya untuk anak-beranak makan.

“Bila mak dah tak larat nak buat, akak cuba buat sekadar suka-suka dan makan sekeluarga. Namun, apabila orang lain tengok dan cuba, mereka kata elok dan minta akak jual,” jelas Kak Yah sebelum terlibat secara langsung dalam perusahaan tersebut sehingga kini.

Mengulas lanjut, Kak Yah menyatakan bahawa pada

KACANG hijau ditumbuk menggunakan lesung kaki.



KAK Yah dengan teknik pembuatan kuih warisan keluarganya.

peringkat permulaan, kuih dijual pada harga RM1 untuk 10 biji.

Walaupun permintaan kian meningkat kini, beliau yang dibantu suaminya, Ramli Abdullah, 63, tidak mampu menghasilkan jumlah kuih yang banyak ekoran tenaga kerja terhad menggunakan teknik tradisional bagi mengekalkan keasliannya.

“Dengan bantuan suami, pengeluaran kuih masih lagi terhad kepada kira-kira 500 biji kuih dalam sehari.

“Sekiranya tak sempat, akak terpaksa tolak tempahan,” ujarnya yang dikurniakan tiga cahaya mata.

Baginya, pasaran kuih adalah tidak menjadi masalah.

“Publisiti ‘dari mulut ke mulut’ banyak membantu dalam perniagaan saya.

“Faktor utama adalah kualiti produk yang sentiasa terjamin,” katanya ramah.

Dalam pada itu, Kak Yah menjelaskan bahawa cabaran utama dalam pembuatan kuih tersebut adalah proses menumbuk kacang ekoran ia menggunakan banyak tenaga dan tidak boleh dilakukan sekiranya terdapat kecederaan pada bahagian kaki.

Bagi perancangan masa depan, Kak Yah berharap mendapat bantuan mesin penghancur kacang bagi memudahkan bahan tersebut ditumbuk memandangkan faktor usia beliau dan juga suaminya yang semakin lanjut.



KUIH putu kacang yang menjadi permintaan ramai.



KACANG hijau yang sudah dikeringkan.

INFO :
04 - 576 3552

Kuntau Jawa identiti Melayu Balik Pulau - Johari

RUMAHNYA bagaikan pusat kebudayaan desa kerana hampir tiap-tiap malam menjadi tumpuan anak muda Melayu tempatan berlatih dan mendengar dendangan lagu tradisional Melayu.

Serunai, gendang, gong, rebana, kompang dan banyak lagi alatan tradisional Melayu yang biasa dimainkan serentak dalam persembahan silat ada di rumah budaya di Kampung Sungai Rusa, Balik Pulau.

Itu, tidak termasuk senjata seperti tekpi, keris, parang, rotan, kerambit dan sebagainya yang digunakan dalam gelanggang latihan Pertubuhan Seni Silat Kuntau Jawa di Balik Pulau.

Penggerak utamanya, Johari Omar, 45 semasa diwawancara oleh wartawan Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQARYAACOB** memberitahu, Balik Pulau bertuah kerana kaya dengan budaya serta identiti Melayu.

Sehingga hari ini, beliau berkata, terdapat beberapa persilatan Melayu lama masih berkembang dan hidup di daerah-daerah berkenaan hasil semangat orang-orang tempatan.

“Tok Mat Sanokpari adalah guru utama kepada ayah saya sendiri. Seni silat ini mula bertapak di Perak sejak 1950-an lagi dan ayah saya yang masih hidup sampai sekarang merupakan salah seorang anak murid awal semasa itu.

“Ayah (Omar Sudin) membawa silat ini ke Balik Pulau. Semasa saya berusia 15 tahun, sudah menjadi pelatih sampai peringkat umur 30-an barulah ayah panggil untuk mengajar.

“Kita tak bebas bergerak untuk perkembangan seni persilatan ini sebab tiada permit pertubuhan. Maka, atas inisiatif saya dan kawan-kawan, seni silat ini cuba ditubuhkan pada tahun 2008. Setahun juga kita tunggu, Januari 2009 ROS (Pendaftar Pertubuhan) lulus permohonan kita,” ujar beliau baru-baru ini.

Johari merupakan tukang rumah. Kehidupannya cukup sederhana dengan mengambil upah bekerja di kampung.

Beliau berkata, beliau bertuah kerana mempunyai seorang isteri yang penyabar serta enam anak yang turut berkongsi minat dalam melestari persilatan serta kebudayaan Melayu tempatan.

Beliau berkata, anak sulung yang meninggal tiga tahun lepas pandai bermain serunai dan seringkali dipuji dalam persembahan di khalayak.

Beliau bukan sahaja mampu meniup lagu-lagu silat serta kebudayaan Melayu, malah lagu-lagu popular asing.

Kini, anak keduanya mengambil tempat sebagai pemain serunai utama.

“Semua anak saya main seni dan silat tiap-tiap hari Sabtu dan Ahad,” ujar beliau.

Johari berkata, beliau bersyukur kerana dianugerah bakat mengukir serta boleh menghasilkan alat-alat muzik tradisional Melayu dengan hasil tangan sendiri.

“Kita hidup susah. Tak semua benda kita boleh beli. Susah ada baiknya, iaitu kita akan ikhtiar belajar dan hasilkan semua alatan

keperluan dalam seni silat kita sendiri.

“Satu-satu persembahan silat lengkap dengan main alat-alat tradisional ini di kenduri kahwin atau program-program rasmi tertentu, RM300 yang kami dapat itu dijadikan duit untuk sediakan semua kelengkapan pergerakan pertubuhan ini.

“Dekat setahun juga saya belajar buat serunai dan gendang sendiri sebab kita tiada (sumber) dana untuk semua ini sejak ditubuhkan pada tahun 2008,” ujar beliau.

Johari berkata, beliau mengembangkan kebudayaan Melayu dan Seni Silat Kuntau Jawa ini kerana Allah.

Beliau berkata, beliau langsung tidak mengharap apa-apa balasan atas amalan mengajar seni silat itu.

“Guru Tua, (Tok) Mat Sanokpari pernah turun di Balik Pulau ini dan datang bertandang di rumah saya dekat Balik Pulau, (Pulau) Pinang ini beberapa tahun sebelum dia meninggal.

“Tetapi, semasa itu, saya memang tidak mengenali beliau. Guru utama ajak saya keluar mengelilingi Balik Pulau.

“Selepas itu, dia amanahkan kepada saya untuk mengajar silat ini tanpa mengharapkan walau sesen pun duit kalau mahu ikhlas. Saya pegang amanah itu sampai sekarang,” ujar beliau.

Beliau berkata, amanah serta taklifan itu menjadi sumbu semangatnya untuk terus berjuang dalam arena seni budaya Melayu setempat serta persilatan ini.

Pulih anak bangsa

Beliau berkata, setiap manusia yang dijadikan di atas muka bumi ini mempunyai tanggungjawab kepada diri, keluarga, masyarakat, negara dan yang paling penting untuk agama.

Justeru, beliau terpanggil untuk memulihara jati diri anak bangsa di kampung sekitar Balik Pulau.

“Silat ini memang boleh membina identiti Melayu kerana ia mengajar kesabaran, pegangan jati diri Melayu.

“Dalam silat ini, ditekankan soal seni itu sendiri. Samalah dalam kehidupan kita seharian yang ditekankan soal akhlak jati diri.

“Yang mana tak memiliki kesabaran, maknanya tidak mampu memiliki seni yang tinggi dalam persilatan ini.



JOHARI Omar.

“Orang yang suka menagih (dadah) atau mencuri atau melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah sebab mereka tidak sabar dalam kehidupan dunia ini.

“Mereka ingat dunia ini segala-galanya. Silat Kuntau Jawa boleh mengukuh jati diri belia tempatan untuk tidak terjebak dalam semua perkara tak berfaedah itu.

“Belajar kebudayaan Melayu dan seni silat ini seperti mengisi masa lapang, ia lebih sihat dari melepak tak tentu arah sampai terjebak dengan aktiviti tidak sihat serta memalukan agama dan bangsa,” tegas beliau.

Keistimewaan

Johari berkata, semua persilatan Melayu mempunyai keistimewaan tersendiri disebabkan mempunyai seni.

Setahun juga diperlukan untuk belajar asas Seni Silat Kuntau Jawa. Selain belajar 13 jurus asas, seseorang pelatih memerlukan dua hingga tiga tahun lagi untuk belajar seni tempur bersenjata dan sebagainya.

“Seni ini sebenarnya menceritakan mengenai diri kita sendiri bukan melalui percakapan, tetapi melalui perbuatan.

“Seni silat dengan tangan memegang tanah sambil mendongak ke langit umpamanya memberi maksud bahawa asal kejadian kita yang Allah sebut sebagai sebaik-baik kejadian itu adalah daripada tanah yang hina, sebab itu kena berasa kerdil di depan Allah yang mempunyai ‘arasy’-Nya sendiri.”

“Kalau yang hayati semua seni ini, anak buah ada jati diri sebab dia kenal asal kejadiannya serta tahu buah pertahan diri yang dipelajari semuanya di bawah kekuasaan Allah yang Maha Berkuasa,” ujar beliau.



JOHARI Omar (belakang, dua dari kiri) bersama-sama beberapa pelatih Seni Silat Kuntau Jawa.

Cabaran

Johari berkata, menjadi guru silat tidak terlepas dari cabaran kerana semua itu adalah ujian daripada Allah.

Beliau berkata, Seni Silat Kuntau Jawa pernah mempunyai lebih 300 pengikut semasa mula-mula ditubuhkan pada tahun 2009 dulu.

Ekoran itu, terdapat ahli politik parti tertentu cuba mengambil kesempatan untuk membina pengaruh masing-masing.

“Dulu, ada perhimpunan silat-silat di Balik Pulau tiap-tiap tahun dan kita sertai persembahan seni tradisional pun ada di sini.

“Ada ahli politik cuba nak main politik dan bina pengaruh sebab Seni Silat Kuntau Jawa ada lebih 300 ahli.

“Unsur politik ini ada dalam kalangan pelatih serta ahli-ahli politik banyak memberi kesan pada Seni Silat Kuntau Jawa ini. Dulu ada lebih 300 ahli, tetapi yang tigggal aktif sekarang lebih 50 orang sahaja.

“Apabila pelatih-pelatih kita diminta tukar baju silat dengan baju ‘biru’ mereka, saya pertahankan identiti silat dan minta jangan campur aduk dengan politik.

“Saya bukan tolak politik, tetapi tak suka terlibat secara langsung dengan politik kepartian. Apabila kita pertahan Pertubuhan Seni Silat Kuntau Jawa ini perlu bebas dari pengaruh mana-mana parti politik kepartian, mereka anggap kita tolak politik.

“Saya ada cara sendiri. Macam Kuntau Jawa, senjatanya tak tunjuk kepada lawan, tetapi disisip di pinggang sebelah belakang.

“Sama juga dengan politik, tak perlu memakai baju mana-mana parti politik pun, kita ajar pelatih-pelatih kita supaya jadi Melayu yang bermaruah dengan menyokong pemimpin yang jujur, beragama serta berjuang di pihak rakyat,” ujar beliau.

Harapan

Johari berkata, beliau percaya Seni Silat Kuntau Jawa serta beberapa seni silat kedaerahan di Balik Pulau boleh menjadi identiti Melayu sekiranya mendapat perhatian daripada Kerajaan Negeri serta pihak berwajib yang lain.

“Selalunya yang nak menaja seni silat ini adalah orang dari kalangan ahli politik kepartian, maka, mereka minta kita jadi pengikut mereka.

“Semua kerja ini akan mematkan identiti Melayu di Balik Pulau jika terus berlaku.

“Macam pertubuhan seni bela diri asing, ada yang mendapat peruntukan dari Majlis Sukan Negara serta Kementerian Belia dan Kerajaan Negeri jika ada, patut seni silat pun begitu.

“Jika ada peruntukan daripada Kerajaan atau badan rasmi, budaya politik kepartian ke atas pertubuhan seni budaya dan silat tempatan boleh dielak,” jelasnya.

Pasang mikrocip elak tong sampah hilang

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bakal memasang mikrocip pada tong-tong sampah di sini bagi membasmi masalah kecurian yang dilaporkan.

Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong berkata, inisiatif yang diputuskan melalui Jawatankuasa Mesyuarat tersebut adalah bagi mengelakkan pihak Majlis daripada terus mengalami kerugian saban tahun.

“Bagi mengekang perkara tersebut daripada terus berleluasa dan mendatangkan kerugian kepada Majlis, satu cadangan dan alternatif akan dilaksanakan agar ianya lebih mudah dikesan.

“Kita (Majlis) tak mahu tong sampah yang hanya mempunyai label semata-mata, sebaliknya, juga mempunyai mikrocip agar memudahkan pihak

MPPP mengesan jika berlaku sebarang kecurian pada masa hadapan,” katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis MPPP, Iszuree Ibrahim, Muhammad Sabri Md. Osman, Lim Cheng Hoe, L. Prem Anand dan Tahir Jalaluddin Hussain.

Menurut Ah Teong, MPPP terpaksa memperuntukkan RM100,000 setiap tahun bagi menggantikan tong sampah baru dan yang rosak.

“Pada tahun lalu (2012), sebanyak 27 unit tong sampah 660 liter dan 62 unit (120 liter) dicatatkan hilang.

“Justeru, MPPP kini sedang bekerjasama dengan Penasihat Undang-undang (PU) untuk mengenal pasti perundangan berkaitan serta bersesuaian yang boleh dikenakan kepada mereka yang didapati mencuri harta MPPP,” tegasnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu bahawa pihak Majlis memohon para



ONG Ah Teong (duduk, tengah) bersama barisan Ahli Majlis MPPP pada sidang media pengumuman cadangan pemasangan mikrocip pada tong sampah di sini

pengusaha dan pengilang tong sampah supaya tampil memberikan idea serta pandangan berhubung masalah berkenaan.

“Malah, MPPP turut meminta kerjasama dan pemahaman masyarakat setempat berhubung hal tersebut,” ujar Ah Teong.

RM150 buku panduan MPSP, RM50 permit ubahsuai rumah

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

BUTTERWORTH -

Warga Seberang Perai boleh membeli buku garis Panduan Tambahan dan Pindaan Kecil Taman Perumahan yang baru dengan dengan harga RM150 sebuah bermula kini bagi permohonan mengubahsuai kediaman masing-masing.

Mantan Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Soon Lip Chee berkata, buka garis panduan yang dikeluarkan majlis itu lengkap dengan borang permohonan.

“Pelanggan tidak tahu MPSP ada garis panduan (cadangan pelan ubahsuai kecil)...ini adalah pelan ikut piawai yang memudahkan mereka sebenarnya,” ujar beliau baru-baru ini di Dewan Haji Ahmad Badawi di sini.

Pegawai Hal Ehwal Masyarakat Kawasan Parlimen Bagan, Krishna Murthy Naidu dan Mohd. Raisul Muhadisin (Penolong Pengarah Jabatan Pembangunan MPSP) turut hadir pada sidang media itu.

Lip Chee yang kini merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi berkata, warga Seberang Perai digalakkan untuk mengikuti garis panduan yang disediakan dalam buku itu demi mengelak



(Dari kiri) KRISHNA Murthy Naidu, Soon Lip Chee dan Mohd. Raisul Muhadisin menunjukkan buku Panduan Tambahan dan Pindaan Kecil Taman Perumahan MPSP baru pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

berbelanja lebih untuk tujuan mengubah suatu rumah masing-masing.

“RM900 bayaran profesional (minimum) untuk jurutera sahaja... (tetapi) jika mohon awal, RM50 saja untuk permit bangunan.

“Jika mohon permit semasa projek ubahsuai sedang dijalankan, RM250 saja dikenakan,” jelasnya.

Difahamkan, buku panduan itu turut menyediakan syarat binaan tambahan, kaedah memohon dan menuntut cagaran berwajib RM750 serta format mengisi borang-borang permohonan berkaitan.

Dalam pada itu, Mohd. Raisul menyatakan bahawa, tempoh proses sehari sahaja membolehkan Jabatan Pembangunan (MPSP) sekiranya menggunakan buku panduan berkenaan.

Info lanjut boleh hubungi talian 04 - 549 7737.

Kebersihan kantin sekolah dipertandingkan

O l e h : **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN -

Bagi memastikan mutu kebersihan dan kesihatan para pelajar sekolah sekitar sini terjaga, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mengadakan operasi pemeriksaan di kantin-kantin institusi pembelajaran tersebut di sini baru-baru ini.

Hasil operasi melalui Ahli-ahli Majlisnya dan beberapa kakitangan Bahagian Perlesenan MPPP, sebanyak tiga kompaun dan denda telah dikeluarkan ekoran para pekerja tidak mendapat suntikan kepialu dan kesalahan makanan tercemar (2).

Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong berkata, hasil pemeriksaan di dua buah kantin sekolah terpilih di sini baru-baru ini mendapati bahawa pengusaha berkaitan gagal mematuhi etika peraturan membabitkan kebersihan berhubung penyediaan makanan serta kesihatan antaranya di bawah Kesalahan Undang-undang Kecil Establishment Makanan MPPP.

“Kebanyakan makanan yang disediakan tidak ditutup sehingga menyebabkan lalat menghurungi makanan, manakala para pekerja juga tidak menjaga kebersihan diri dengan berkuku panjang.

“Pada masa sama, hasil pemeriksaan juga mendapati pihak pengusaha gagal



ONG Ah Teong (kiri sekali) dan Lim Cheng Ho (tiga dari kiri) memeriksa peti sejuk di salah sebuah kantin dalam Operasi Pemeriksaan Kantin-kantin Sekolah di sini baru-baru ini.

memasang perangkap minyak di bahagian cucian hingga menyebabkan minyak serta bendalir asing mengalir ke dalam longkang awam,” ujarnya di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Majlis MPPP, Lim Cheng Ho.

Bersempena itu, sebanyak 128 kantin sekolah bakal diperiksa dan sehingga kini, MPPP telah berjaya memeriksa 21 kantin yang keseluruhannya berjaya mencapai gred kebersihan A dan B.

Dalam pada itu, Ah Teong turut mengumumkan bahawa pengredan kantin sekolah akan dimulakan pada Mac hingga Ogos 2013.

“Ia adalah susulan pertandingan pengredan yang sebelum ini hanya membabitkan hotel, restoran, kedai kopi dan kedai nasi kandar.

“Namun, pada akhir 2012, MPPP telah membuat keputusan untuk memanjangkan pendekatan tersebut kepada kantin-kantin sekolah menengah dan rendah,” jelas beliau.



ONG Ah Teong (kanan) menyemak dokumen papan iklan yang terdapat di sepanjang Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu di sini baru-baru ini.

Papan iklan haram terus diburu

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN - Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) kini giat menjalankan operasi membersihkan Pulau Pinang dari papan iklan haram tidak berlesen dan tidak mengikut spesifikasi ditetapkan di sekitar negeri ini.

Operasi tersebut adalah ekoran tamatnya tempoh pemutihan selama enam bulan bermula Jun hingga Disember tahun lepas termasuk tempoh kelonggaran dari Januari hingga akhir Februari lalu yang diberikan kepada semua pengusaha papan iklan.

Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong berkata, papan iklan yang diturunkan Mac lalu di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu adalah haram kerana tidak mengikut spesifikasi saiz 20 kaki x 60 kaki sebagaimana dibenarkan pihak Majlis dan kos tersebut bakal ditanggung pemilik papan iklan terbabit.

“Papan iklan ini diturunkan kerana saiznya yang

terlalu besar iaitu 40 kaki x 60 kaki, melebihi saiz dibenarkan,” katanya pada Operasi Membersihkan Papan Iklan Haram di sini baru-baru ini.

Sebelum tindakan menurunkan papan iklan terbabit, menurut Ah Teong, MPPP telah berjumpa dengan pemilik papan iklan terbabit dan memaklumkan secara lisan bahawa ia (papan iklan) tidak mengikut spesifikasi saiz ditetapkan.

“Lanjutan itu, MPPP telah memberi notis selama seminggu bermula 9 Mac hingga 18 Mac lalu untuk pihak terbabit menurunkan papan iklan tersebut, namun, tiada sebarang tindakan diambil,” jelasnya.

Tambah beliau, pembinaan papan iklan melebihi saiz adalah berbahaya dan boleh mendatangkan sebarang kemungkinan buruk kepada pengguna jalanraya.

“MPPP akan terus mempergiatkan operasi ini bagi membanteras papan iklan haram di seluruh pulau termasuk menampal notis makluman papan iklan haram di sini,” ujar Ah Teong.

Tingkat Sungai Ara 1 sehalah menjelang waktu sesak



MUHAMMAD Sabri Md. Osman (tiga dari kanan) menunjukkan pelan arah perubahan lalulintas di Tingkat Sungai Ara 1 ketika tinjauan di kawasan berkenaan di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

SUNGAI ARA - Bagi mengurangkan kesesakan lalulintas, laluan di sebahagian Tingkat Sungai Ara 1 di sini ditukar kepada arah laluan sehalah bermula April tahun ini.

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Lalulintas MPPP, Muhammad Sabri Md. Osman berkata, inisiatif tersebut dapat mengurangkan masalah konflik dan gangguan lalulintas di kawasan tersebut terutamanya pada waktu masuk dan selepas sesi persekolahan.

“Arah aliran lalulintas dicadangkan adalah dari lorong tepi premis nombor 20, Tingkat Sungai Ara 1 sehingga Tingkat Sungai Ara 2.

“Penguatkuasaan laluan sehalah adalah bermula pada jam 6.30 pagi hingga 8.00

pagi, 12.30 tengah hari hingga 2 petang dan 6 petang hingga 7.30 malam,” ujarnya ketika meninjau lokasi terlibat berdekatan dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Chong Cheng di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Jurutera Lalulintas MPPP, Zainuddin Mohd. Shariff dan Pengetua SJKC Chong Cheng, Teh Hean Law.

Muhammad Sabri dalam pada itu turut menasihatkan agar pemandu-pemandu mematuhi arah aliran lalulintas dan larangan-larangan ditetapkan demi keselamatan orang ramai serta kelicinan aliran lalulintas di kawasan terlibat.

Sementara itu, Hean Law berkata, pihak sekolah akan menyediakan khidmat Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela) bagi membantu serta memastikan penukaran arah aliran lalulintas berjalan lancar.

Penyertaan Anugerah Sekolah Hijau 2013 bertambah



MOHD. Sharif (belakang, dua dari kiri) menunjukkan buku Sekolah Hijau bersempena Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2013 di sini baru-

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

BUKIT MERTA JAM - Majlis Perbandaran Seberang Perai baru-baru ini melancarkan buku Sekolah Hijau Seberang Perai yang bakal dijadikan rujukan bagi pihak-pihak sekolah yang mengambil bahagian dalam penganjuran Anugerah Sekolah Hijau kelak.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif, antara kandungan buku 60 halaman tersebut adalah 10 kriteria utama penilaian Anugerah Sekolah Hijau yang dipertandingkan sejak tahun 2010.

“Kriteria tersebut termasuklah amalan 3R, penggunaan sisa makanan, penggunaan minyak masak terpakai, penciptaan bahan pembersih, pengurangan beg plastik, penanaman pokok, penjimatan tenaga, penjimatan air, kebersihan kawasan sekolah

dan aktiviti yang kreatif serta inovatif,” ujarnya ketika merasmikan Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2013 di sini baru-baru ini.

Anugerah Sekolah Hijau dilaksanakan MPSP merupakan inisiatif diperkenalkan Kerajaan Negeri bagi menerapkan pendidikan alam sekitar secara berterusan di samping penerapan secara holistik dalam pengurusan serta pemuliharaan alam sekitar.

Turut disampaikan bersempena majlis tersebut adalah insentif berbentuk wang tunai sebagai galakan kepada pihak sekolah yang menyertai anugerah terbabit dalam mendapatkan keperluan projek kitar semula.

Menurut Maimunah, penganjuran Anugerah Sekolah Hijau kali keempat (2013) terus mencatat pertambahan menggalakkan dengan penyertaan 64 buah sekolah berbanding tahun 2012 (53), 2011 (36) dan 2010 (30).

Warga emas dibantu

BERTAM – Sepanjang bulan Mac lalu, mantan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bertam, Asrol Sani Abdul Razak telah mengadakan lawatan dan ziarah pada Program Ziarah ke rumah-rumah warga emas terlantar sakit di sini.

Menurut Asrol, lawatan tersebut adalah melibatkan enam buah kawasan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bertam iaitu di Kampung Datok, Permatang Sintok, Padang Benggali, Sri Serdang, Permatang Bertam dan Pongsu Seribu.

“Bersempena program tersebut, hampir 120 buah rumah warga emas yang terlantar sakit telah dilawati.

“Inilah medium yang digunapakai sejak tiga tahun lalu, iaitu menyantuni warga emas di kediaman mereka selain mendengar permasalahan dihadapi,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Tambah Asrol Sani, selain mengenali dengan lebih dekat warga Bertam, lawatan tersebut juga mampu mengeratkan hubungan antara rakyat dan Kerajaan Negeri.

Bersempena lawatan itu, beliau turut menyampaikan bantuan berupa keperluan asas dan barangan dapur serta beberapa unit kerusi roda kepada warga-warga emas berkenaan.

Turut serta, Ketua Whip Majlis Perbandaran Sebarang Perai (MPSP), Johari Kassim dan Skwad Relawan Team Bertam.



ASROL Sani Abd. Razak (kanan sekali) ketika mengadakan lawatan ke salah sebuah rumah warga emas yang terlantar sakit di sini baru-baru ini.

Pasukan Kongsi F.C johan Piala PPK



HALIL Sabri Hamid (lima dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama salah satu pasukan futsal yang bertanding dalam Piala PPK Telok Bahang di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

TELOK BAHANG – Pasukan Kongsi F.C muncul johan sekaligus membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM500 dan sebuah piala dalam pertandingan futsal yang diadakan di sini baru-baru ini.

Sejumlah 12 pasukan bersaing bagi merebut Piala Penyelaras Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan (PPK) yang dianjurkan Pusat Khidmat PPK Telok Bahang.

Menurut mantan PPKnya, Halil Sabri Hamid, penganjuran pertandingan futsal tersebut adalah bertujuan untuk memupuk semangat sukan yang kian pupus.

“Generasi belia kini kurang berminat untuk mengamalkan gaya hidup sihat dalam kehidupan harian mereka.

“Maka, penganjuran ini dilihat sebagai salah satu inisiatif dalam memupuk kecintaan terhadap sukan melalui permainan futsal,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain, mantan Ahli Parlimen Balik Pulau, Yusmadi Yusoff, mantan PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Taufik Sulong.

Lawatan pastikan infra rakyat berfungsi



R.S.N Rayer (bertopi) meninjau keadaan bahu jalan di Island Glades di sini baru-baru ini.

SERI DELIMA – Baru-baru ini, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N Rayer telah mengadakan lawatan dan pemeriksaan jalanraya serta longkang di sekitar Island Glades di sini bagi memastikan ianya dalam keadaan baik dan diselenggara sempurna.

Turut serta, kakitangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Island Glades.

Hasil pemeriksaan, beliau memberitahu bahawa terdapat beberapa kawasan yang perlu diturap dengan tar dan diselenggara semula.

“Malah, ada beberapa saluran air, longkang dan parit yang perlu dipasang dengan jerangkap sampah memandangkan terdapat sampah sarap tersangkut sehingga menyebabkan ianya tersumbat,” katanya di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Rayer turut berterima kasih kepada MPPP selaku pihak berkuasa tempatan (PBT) yang aktif dan sering ambil peduli akan setiap aduan rakyat.

“MPPP telah melaksanakan tanggungjawab awam dengan sempurna dalam memastikan keselesaan dan kelestarian hidup penduduk setempat,” ujarnya.

Program kesihatan tarik peserta muda

SUNGAI DUA – Program Ayuh Sihat Bersama Kami anjuran Pejabat Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Sungai Dua berjaya menggamit kehadiran lebih 150 orang pengunjung yang terdiri daripada kanak-kanak, belia dan warga emas di sini baru-baru ini.

Mantan pegawainya, Zahadi Mohammad berkata, selain inisiatif Pejabat PPK Sungai Dua, program tersebut juga merupakan anjuran bersama Kumpulan Ameerah (pertubuhan bukan kerajaan, NGO) dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Pajak Song,

Muslimat Kawasan Tasek Gelugor dan Pusat Kesihatan Daerah Kepala Batas.

“Pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang program berlangsung antaranya, pemeriksaan tekanan darah, pemeriksaan kesihatan, pemeriksaan gigi dan pemeriksaan rahim.

“Selain itu, senaman aerobik, ceramah kesihatan ‘Kanser’, pertandingan kolaj dan cabutan bertuah turut diadakan bagi menarik minat dan keprihatinan semua golongan terhadap kesihatan,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN kanak-kanak yang menyertai pertandingan kolaj yang diadakan sempena Program Ayuh Sihat Bersama Kami di sini baru-baru ini.

Penduduk meriahkan Hari Mesra Bersama Rakyat



SEBAHAGIAN kanak-kanak yang menyertai Pertandingan Mewarna KADUN Bayan Lepas di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

BAYAN LEPAS – Kira-kira 300 penduduk sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bayan Lepas berkumpul di Padang Awam Taman Sungai Ara bagi memeriahkan anjuran Hari Mesra Bersama Rakyat di sini baru-baru ini.

Mantan Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Bayan Lepas, Asnah Hashim berkata, penganjuran program berkenaan diadakan bersempena Pertandingan Mewarna KADUN Bayan Lepas anjuran Pusat Khidmat PPK Bayan Lepas dengan kerjasama semua Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) KADUN Bayan Lepas.

“Penyertaan kanak-kanak dalam pertandingan mewarna memang di luar

jangka.

“Matlamat bukan sahaja untuk mengasah bakat anak-anak, malah juga bagi merapati masyarakat di Bayan Lepas,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Selain pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, ibu bapa yang hadir turut berpeluang mendapatkan rawatan serta pemeriksaan kesihatan percuma.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, mantan Ahli Parlimen Balik Pulau, Yusmadi Yusoff dan penceramah bebas, Ustaz Afnan Hamimi Taib Azamudden.

Turut terlibat, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang (PPAPP) yang mengadakan pameran dan pendaftaran keahlian perpustakaan bergerak PPAPP.

Bengkel Keluargaku Sayang bentuk keluarga harmoni

PENAGA – Sebagai galakan membentuk sebuah keluarga yang harmoni, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga mengambil inisiatif khas menganjurkan Bengkel Keluargaku Sayang di sini baru-baru ini.

M a n t a n pegawainya, Rosidi Hussain berkata, penganjuran dan sambutan bengkel tersebut adalah amat memberangsangkan.

“Selain pejabat saya, bengkel tersebut turut dianjurkan dengan kerjasama J a w a t a n k u a s a Kemajuan dan K e s e l a m a t a n Komuniti (JKKK) seluruh Penaga bersama Ameerah Pulau Pinang.

“Pelbagai aktiviti dijalankan antaranya, ceramah motivasi rumahtangga, pertandingan bayi sihat, pertandingan pakaian keluarga sedondon, pertandingan aksi si manja dan pertandingan pakaian beragam,” katanya di sini baru-baru ini.



ROSIDI Hussain menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Pakaian Beragam bersempena penganjuran Bengkel Keluargaku Sayang di sini baru-baru ini.



Pulau Pinang
Bersih, Hijau,
Sihat & Selamat